AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 33 BILANGAN 2 | RABU 13 JANUARI, 1988. | رابو 23 جمادى الأول 1408 | PERCUMA

RANCANGAN PERPINDAHAN NEGARA MENJELANG 1995

## 3 ribu buah rumah dijangka siap

**KUALA BELAIT 5 Jan. — Sebanyak lebih kurang tiga ribu buah rumah dalam Rancangan Perpindahan Negara dijangka akan siap untuk didiami dan dimiliki oleh rakyat dan penduduk negara ini sehingga menjelang tahun 1995.**

Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Dato Paduka Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Yassin mengumumkan demikian di majlis meletak batu asas dan doa selamat bagi pembinaan tapak perumahan Kampong Pandan peringkat pertama di sini.

Oleh Dk. Saidah POA

Menurutnya, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah dan sedang giat mengatur penyelenggaraan skim perpindahan di seluruh negara.

"Kita bersyukur kerana pihak kerajaan tidak kendur-kendurnya menyediakan rancangan dan perlaksanaan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang semata-mata dihasratkan bagi kebajikan dan kesejahteraan kita semua," jelas Dato Paduka Awang Haji Ibrahim.

Untuk mencapai hasrat tersebut, jelas beliau, kerajaan memerlukan kerjasama para penduduk di daerah ini khususnya mereka yang berjaya mengikuti Rancangan Perumahan Negara bagi sama-sama mendukung peranan ke arah membisaikan kemajuan masyarakat dan negara.

Bagi Rancangan Perumahan Kampong Pandan ini, katanya, seluas 700 hektar tanah disediakan di mana pada keseluruhannya nanti ianya dijangka akan dapat menempatkan sebanyak 1,597 unit rumah.

Dato Paduka Awang Haji Ibrahim berkata bagi rancangan peringkat pertama ini sebanyak 224 unit perumahan akan disediakan dalam jangka masa dua tahun. Pada ketika ini kerja-kerja asas penyediaan bagi tapak 81 buah rumah di peringkat awal dan infrastruktur seperti saluran najis, longkang dan jalan raya telah pun diungkayahkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Lihat muka 7

Lagi berita dan gambar disiarkan di muka 3.

## Gambarkan berita tepat, meyakinkan

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN 11 Jan. — Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong berkata, Jabatan Penyiaran dan Penerangan mempunyai peranan penting memberikan gambaran yang betul dan tepat mengenai negara ini terutama bagi mengimbangi berita-berita yang mengelirukan melalui bahan berita yang tepat, benar dan meyakinkan di media elektronik dan media cetak.

Menurut Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, dalam usaha meninggikan prestasi berita RTB selaku media kerajaan, sewajarnyalah ia mencerminkan pendirian dan pandangan kerajaan.

"Dalam konteks Negara Brunei Darussalam khususnya bagi RTB, ilmu dan latihan kewartawanan, kemahiran serta pengalaman sahaja tidak mencukupi bagi menjadikan seseorang itu pemberita dan penyunting yang baik. Semua ini perlu diimbangi dengan kebijaksanaan menilai menurut alam sekeliling negara ini meliputi dasar dan kepentingan kerajaan dan negara," tegas Awang Haji Abu Bakar.

Beliau menyatakan perkara itu ketika merasmikan Kursus Penerbitan Berita bagi 17 orang penyunting berita/filem, pemberita dan jurugambar dari Bahagian Berita dan Hal-Ehwal Semasa dan Bahagian Perkhidmatan Perfileman RTB di sini pagi Isnin lepas.

Lihat muka 20



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong ketika berucap merasmikan Kursus Penerbitan Berita di Studio A, Bangunan RTB. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PHO.

## 4,000 murid baru mendaftar

BERAKAS. — Hampir 4,000 orang murid-murid baru telah mendaftar bagi memasuki kelas-kelas pra-sekolah di kesemua sekolah rendah di negara ini, bagi musim persekolah tahun 1988 yang bermula pada hari Isnin lepas.

Jumlah tersebut dilaporkan bertambah lebih 400 orang dibandingkan dengan tahun 1986 dan 1987. Jumlah terbaru yang dinyatakan oleh Kementerian Pelajaran itu, seramai 2,600 orang murid didaftarkan bagi 54 sekolah rendah Daerah Brunei dan Muara. Di Daerah Tutong seramai 515 didaftarkan di 33 buah sekolah yang mana jumlah kemasukan ini meningkat 100 orang sejak tahun 1986 iaitu hanya 449 orang kanak-kanak. Bagi Daerah Belait 580 orang murid baru didaftarkan di 14 buah sekolah manakala 163 orang kanak-kanak didaftarkan di 13 buah sekolah Daerah Temburong. Seperti yang dilaporkan Daerah Temburong jumlah kemasukan didapati menurun jika dibandingkan tahun 1986 iaitu 185 orang, kanak-kanak memasuki kelas pra-sekolah.

Menurut seorang jurucakap kementerian itu, murid-murid baru yang diterima memasuki kelas pra-sekolah terdiri daripada mereka yang menjangkau umur lima tahun pada 1 Januari, 1988.

Pendidikan yang diberikan meliputi asas-asas pelajaran sistem 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira yang mana sistem itu telah diperkenalkan sejak tahun 1979.

Berita lanjut disiarkan di muka 6

### PETIKAN TITAH

**"BETA sukacita menyeru guru-guru yang benar-benar menjalankan tugas bertanggungjawab dan tulus ikhlas pada menyempurnakan kelulusan anak-anak bangsa untuk menjadi warganegara yang berguna yang mendatangkan kemanfaatan kepada rakyat dan Negara Brunei Darussalam."**

*Dititahkan di Majlis Kesyukuran yang diadakan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, sempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-38, pada 19 Ogos, 1984 di Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan.*

### MANISNYA IMAN

"BETAPAKAH akan ada perjanjian (yang teguh) bagi orang-orang Musyrik di sisi Allah dan di sisi Rasul-Nya kecuali pada orang-orang yang telah berjanji kamu dengan mereka di Masjidil Haram, maka selama mereka lurus (jujur) terhadap kamu, hendaklah kamu lurus pula terhadap mereka, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang taqwa." — Maksud Surah Al-Taubah ayat 7.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

13 JANUARI, 1988

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## MENINGKATKAN KESELAMATAN LALULINTAS DARAT DAN PERAIRAN

LANGKAH menguatkuasakan undang-undang lalulintas di jalan raya dan perairan sungai adalah suatu yang amat munasabah dan wajar diberi perhatian. Tindakan itu jelas bertujuan untuk menjamin keselamatan setiap penggunanya. Dengan adanya penguatkuasaan undang-undang berkenaan, kita percaya setiap anggota masyarakat akan sama-sama memupuk nilai-nilai disiplin ke arah kesempurnaan, ketenteraman dan juga hormat-menghormati hak dan kewajipan bersama.

Penguatkuasaan undang-undang berkenaan antara lain melibatkan penubuhan Sekolah Latihan Memandu, pemakaian tali pinggang kaledar, menutup barang-barang yang diangkut, melesen perahu-perahu tambang, mengharamkan laluan kapal di Sungai Butir serta mengharamkan kapal-kapal yang ditunda melalui Sungai Temburong dan Sungai Brunei.

Pada dasarnya setiap undang-undang yang dikuatkuasakan bukanlah bererti pihak-pihak berkuasa bertujuan untuk mencari kesalahan. Undang-undang atau peraturan-peraturan yang dinyatakan adalah berperanan membentuk sikap kita terutama untuk lebih berdisiplin.

Dengan adanya sikap berdisiplin itu pula ia akan dapat membentuk diri kita lebih bertanggungjawab lagi, dalam menjaga keselamatan nyawa dan harta benda kita dan orang lain yang sama-sama mengguna dan menikmati kemudahan lalulintas yang disediakan oleh kerajaan. Kita bertanggungjawab dengan memastikan bahawa kita seorang pemandu yang berlesen, kenderaan yang kita pandu adalah dibenarkan oleh peraturan, kita melalui laluan yang betul arahnya dengan kelajuan yang tidak membahayakan. Jelasnya dengan adanya sikap berdisiplin pada setiap orang pengguna jalan raya atau laluan sungai, keadaan lalulintas, insya-Allah akan sentiasa berada dalam selamat, teratur dan perjalanan kita sempurna dan sampai ke tempat dituju.

Risiko akibat dari sikap tidak berdisiplin dan tidak bertanggungjawab telah pun kita saksikan. Perlanggaran dan kemalangan yang melibatkan kemusnahan harta benda, kematian dan kecederaan sering sahaja menghantui perasaan kita. Tentunya kejadian bahaya seperti ini tidak diingini oleh semua pihak. Namun masih ada juga segelintir masyarakat yang tidak mengamalkan nilai-nilai disiplin apabila berada di jalan raya dan sungai.

Sebagai anggota masyarakat dalam sebuah negara yang merdeka, kita seharusnyalah mengamalkan sikap berdisiplin dan bertanggungjawab. Dengan mengamalkan sikap itu secara spontan memperlihatkan status kita sebagai masyarakat yang bermaruah, bertimbang rasa, mencintai ketenteraman, kehormatan dan keselamatan yang menjadikan kita sebagai masyarakat yang mempunyai nilai-nilai budaya kehidupan yang sempurna.

Kerana itu dengan adanya penguatkuasaan undang-undang berkenaan sewajarnya pemandu kenderaan di darat dan di sungai akan dapat bertindak dengan bijaksana dan menjadikan tempat laluan kita sebagai selamat untuk semua. Kita semestinya berdisiplin dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan. Kita seharusnya sentiasa tercium 'malang yang tidak berbau'. Kebijaksanaan seharusnya sentiasa menemani kita di sepanjang perjalanan. Orang yang bijaksana adalah orang yang sentiasa memelihara nilai-nilai kesempurnaan.

Selain daripada mematuhi peraturan-peraturan lalulintas yang dikuatkuasakan, sudah sampai waktunya juga kita memberi perhatian berat terhadap kebersihan jalan raya dan sungai.

Pengusaha-pengusaha kenderaan seharusnya memastikan kenderaan mereka bersih daripada tanah lumpur sebelum keluar daripada kawasan pembinaan atau kawasan becak supaya tidak mengotorkan jalan raya. Keadaan ini kurang elok dilihat apatah lagi kekotoran itu menyebabkan kekotoran kepada jalan raya dan kenderaan lain. Membuang tin-tin kosong semasa kenderaan berjalan sama ada di darat mahupun di air patutlah dielakkan. Kebersihan jalan raya dan sungai adalah juga menjadi tanggungjawab semua orang. Ini tentunya akan melahirkan alam keliling yang bersih dan sihat untuk menjamin kehidupan yang sihat sejahtera.

# Kegiatan berbentuk sains perlu diteruskan

**SUKACITA saya sampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Penganjur Persatuan Pendidikan Sains Brunei kerana menjemput saya untuk membuka rasmi Minggu Sains ini. Dalam waktu yang sama, secara jujur saya merakamkan tahniah atas inisiatif menganjurkan Minggu Sains 1987.**

Projek Minggu Sains 1987 ini adalah merupakan siri kegiatan dan pelbagai lagi rancangan yang dikelolakan oleh Persatuan Pendidikan Sains Brunei sejak ditubuhkan pada tahun 1978.

Persatuan ini adalah persatuan sukarela meskipun kebanyakan ahli-ahlinya (tidak semua) adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan dan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah kerajaan.

Kesungguhan persatuan ini dalam mengembang majukan pendidikan sains di negara ini dengan cara menganjurkan kegiatan-kegiatan yang sehubung dengannya baik untuk guru-guru mahupun penuntut-penuntut berasaskan kepada prinsip berdikari setentunya digalakkan oleh Kementerian Pelajaran, dan memerlukan sokongan dan dukungan dari kita semua.

Kamu masih ingat tentang seruan saya berhubung dengan aspek-aspek pelajaran sains dan matematik yang memerlukan perhatian yang segera, dalam mana cuma melibatkan sejumlah kecil penuntut-penuntut di sekolah menengah atas kecenderungan ke arah itu.

Sekarang ini, jumlah penuntut yang cenderung dalam pendidikan sains dan matematik tidak lebih daripada 10 hingga 15 peratus dari keseluruhan jumlah penuntut.

Cabaran-cabaran terhadap pembangunan di masa akan datang, terutama kepada Negara Brunei Darussalam dan lain-lain negara yang sedang membangun, sebahagian besarnya tertumpu pada keperluan tenaga manusia yang berteknologi. Kerana itu, kemasukan sedikit penuntut-penuntut bagi mata pelajaran sains dan matematik sekarang ini memerlukan perhatian yang khusus daripada kita semua.

Sangat penting bagi kita semua untuk mencari jalan dan pengertian untuk menghuraikan trend ini, dan memperbetulkannya agar akan bertambah penuntut-penuntut menggemari mata pelajaran sains dan matematik.

Setelah tiga tahun belajar di peringkat menengah rendah, memperolehi kelulusan kredit yang berpatutan dalam matematik dan sains di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah Brunei (BJCE) untuk 'specialise' dalam sains di menengah atas bagi fikiran saya adalah suatu contoh ketara yang berpatutan dalam menilai kesanggupan. Soalnya, kita sebagai para pendidik perlu bertanya kepada diri sendiri kenapa sasaran yang begini sederhana nampaknya jauh dari jangkauan kita.

Apakah yang perlu dibuat bagi memastikan akan bertambah ramai lagi penuntut-penuntut mengambil jurusan sains dan matematik dan meluluskan mereka? Apakah ia berpunca daripada fakta bahawa mata pelajaran sains tidak begitu ditekankan dalam pembelajaran yang lebih awal?

Janganlah hendaknya kita mengenepikan fakta bahawa dalam negara-negara lain yang maju, usaha-usaha berpatutan telah dibuat bagi meningkatkan lagi kepekaan terhadap saintifik di peringkat perumuran awal-awal lagi.

Guru-guru sains mestilah memikirkan hal ini secara sungguh-sungguh. Dan mencari jalan mensesuaikan dalam pendekatan-pendekatan dalam kerjaya pendidikan harian untuk memupuk kecenderungan penuntut-penuntut kepada apa yang dipanggil "Pilihan-Pilihan Sukar" ini.

Suatu waktu dalam tahun ini, Kementerian Pelajaran telah melantik satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Kenaziran Sekolah-sekolah untuk menilai pembelajaran mata-mata pelajaran sains di sekolah-sekolah kita bagi menghasilkan program-program tindakan bukan saja bagi menarik minat penuntut-penuntut bagi mengambil mata-mata pelajaran sains tetapi juga meningkatkan kemudahan-kemudahan dalam pembelajaran mata-mata pelajaran sains ini.

Secara jujur kita berharap, jawatankuasa ini akan dapat menghasilkan cadangan-cadangan yang boleh mengketarakan lagi pembelajaran sains di sekolah-sekolah yang akan meningkatkan kecemerlangan dan takah kemajuan di kalangan penuntut-penuntut kita.

Sukacita secara jujur saya menekankan dalam peristiwa yang berkebajikan ini bagi meminta kepada guru-guru sains dan matematik, tempatan ataupun dari luar negeri, sejujur-jujurnya memberikan pemikiran dan cadangan-cadangan kembali. Saya penuh berkeyakinan, pengalaman-pengalaman bertahun-tahun mengajar mata-mata pelajaran ini yang dialami jawatankuasa berkenaan adalah semata-mata demi kebaikan penuntut-penuntut dan negara kita.

Baru-baru ini saya membaca buku mengenai BASS "The British Association For The Advancement of Science" yang ditubuhkan pada tahun 1831. Ia mempunyai suatu badan tertentu yang dipanggil sebagai BAYS iaitu 'The British Association Youth Section".

Tujuan badan induk menubuhkan badan gabungan ini ialah bagi meningkatkan lagi pembelajaran sains di peringkat awal, dengan kata yang lain ialah "Menarik Minat Orang Muda". Yang Dipertua BAYS ialah seorang budak sekolah yang berumur 16 tahun.



***UCAPAN penuh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Menteri Pelajaran ketika merasmikan Minggu Sains anjuran Persatuan Pendidikan Sains Brunei bertempat di Dewan Sekolah Menengah SMJA pada 14 Disember, 1987.***

Pertama bagi penuntut-penuntut sekolah rendah, ialah anugerah 'Young Investigators Award" penyelidikan di kalangan kanak-kanak dengan tujuan bagi menggalakkan kecenderungan di bidang sains sekitar umur 8 ke 12 tahun.

Hingga hari ini, rancangan ini telah melibatkan lebih daripada 28,000 kanak-kanak dari sekolah rendah.

Anugerah yang sama pula bagi sekolah menengah ialah kreatif dalam teknologi dan sains yang dipanggil sebagai CREST iaitu "Creativity In Science and Technology" yang telah menarik minat 1,400 orang ahli dari 11 ke 18 tahun bagi tahun pertama, 1986 dan dijangkakan akan melibatkan sekitar 7,000 orang penuntut-penuntut sekolah menengah pada tahun ini.

Mungkin, kita boleh belajar dari kunci kata dalam dua rancangan ini — "Investigator" dan "Creativity". Adalah mustahak bagi penuntut-penuntut kita dan juga guru-guru memahami bahawa penyiasatan dan kreativiti — "Creativity and Investigation" adalah asas utama dalam pembelajaran sains yang tanpa dua patah perkataan ini, pembelajaran sains jadi beku dan tidak dinamik. Bukan itu sahaja, ia menghilangkan minat dan kepekaan dari kaca mata penuntut-penuntut itu sendiri.

Saya telah difahamkan bahawa laporan kegiatan Persatuan Pendidikan Sains Brunei dalam menggerak dan memberi daya kepada rancangan-rancangan "extra-curricular" untuk penuntut-penuntut dan guru-guru adalah begitu baik.

Misalnya pada tahun 1985, antara kegiatannya ialah menganjurkan peraduan mencipta kapal terbang daripada kertas bagi murid-murid sekolah rendah. Ini sebetulnya adalah antara kegiatan yang memerlukan daya kreativiti dan eksperimen di kalangan kanak-kanak kita.

Saya berharap, kegiatan yang menekankan pembelajaran sains di kalangan kanak-kanak ini akan diteruskan. Dalam hubungan ini, Kementerian Pelajaran berkeinginan untuk menggiatkan peranannya dalam memberikan bantuan-bantuan yang perlu agar mata-mata pelajaran sains dan matematik akan lebih menarik dan pilihan yang cucuk bagi penuntut-penuntut.

Mulai tahun depan, Kementerian Pelajaran berharap akan menganjurkan seminar, bengkel dengan kerjasama Fakulti Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam dan lain-lain pertubuhan serta institusi luar negeri bagi guru-guru di bidang-bidang berkaitan.

Kita berharap cara ini akan meningkatkan kemahiran guru-guru sains dan matematik. Bagi rancangan seumpama ini, semua guru-guru berkenaan, tempatan mahupun dari luar negeri akan dilibatkan semata-mata juga bagi kepentingan penuntut-penuntut kita.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Persatuan Pendidikan Sains Brunei dan berharap kamu semua akan sentiasa memberi kerjasama dengan kementerian ini dalam meningkatkan kecemerlangan pembelajaran sains.

Pemikiran-pemikiran dan cadangan-cadangan bernas dalam meningkatkan pembelajaran sains di kalangan penuntut-penuntut kita yang juga jadi matlamat bersama adalah sangat dialu-alukan serta dihargai.

Dengan ucapan Bismillahir Rahmanir Rahim, saya buka rasmi Minggu Sains 1987 ini.



# Majlis serah-menyerah tugas Ketua Pegawai Turus

BANDAR SERI BEGAWAN 8 Januari. — Satu lagi majlis serah-menyerah tugas di kalangan pegawai tinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah diadakan di Kementerian Pertahanan di Istana Nurul Iman di sini.

Upacara serah-menyerah tugas itu ialah di antara Pengiran Dato Seri Laila Jasa Kolonel Abidin bin Pg. Ahmad yang menyerahkan tugas beliau selaku Ketua Pegawai Turus kepada Timbalan Menteri Pertahanan. Jawatan tersebut kini di pegang oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Dato Seri Laila Jasa Kolonel Ishak yang sebelum ini memegang jawatan Pegawai Pemerintah Batalion Pertama.

Sementara Pengiran Dato Seri Laila Jasa Kolonel Abidin ditukarkan ke Markas Angkatan Tentera di Berakas Garison sebagai Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera yang baru.

PENGIRAN Dato Seri Laila Jasa Kolonel Abidin menandatangani penyerahan tugas tersebut sambil diperhatikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Dato Seri Laila Jasa Kolonel Ishak. — Gambar oleh Harun Rashid.

# WUJUDKAN KAWASAN YANG BERSIH, INDAH

Oleh Dk. Saidah PHOA.
Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

KUALA BELAIT 5 Januari. — Rakyat dan penduduk di daerah tersebut yang berjaya mengikuti skim Rancangan Kemajuan Perpindahan Perumahan Negara adalah diharapkan akan dapat menunjukkan sikap perpaduan dan persaudaraan dan seterusnya berusaha mewujudkan kawasan yang bersih dan indah dengan menanam pokok-pokok buah-buahan dan bunga-bungaan dalam kawasan perumahan masing-masing.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin berucap demikian di majlis pelancaran dan doa selamat bagi pembinaan rumah-rumah Rancangan Perpindahan Perumahan Negara Kampong Pandan di kawasan pertapakan projek peringkat pertama Jalan Pandan Satu di daerah itu pada hari Selasa di sini.

Menurut Dato Paduka Awang Haji Puasa, kerajaan telah dan akan membelanjakan berjuta-juta ringgi untuk memenuhi kehendak rakyat di negara ini yang tidak memiliki tanah, dari itu pengguna-pengguna khususnya peserta-peserta yang berjaya dalam skim tersebut akan dapat menggunakan sebaik-baik penggunaan demi kepentingan mereka bersama dan menghargai usaha-usaha kerajaan.

Menyentuh dengan pembinaan rumah-rumah dalam projek perumahan negara ini, Dato Paduka Awang Haji Puasa berkata ianya sudah setentunya dibina dengan cara cukup teratur dengan dapat membentuk perasaan identiti bermasyarakat. "Oleh itu elakkanlah pencemaran baik dari segi tambahan-tambahan ke atas rumah-rumah yang tidak berperancangan mahupun kebersihan ke atas kawasan-kawasan sekelilingnya," tegasnya.

Dato Paduka Awang Haji Puasa berharap penempatan para peserta itu akan dapat meringankan sebahagian daripada masalah yang dihadapai oleh penduduk setempat ketika ini.

Awang Abdullah bin Haji Arsad, Pegawai Kemajuan Perumahan, Kuala Belait, terdahulu sebelum itu berkata, Jabatan Kemajuan Perumahan telah berfungsi serta menjalankan perkhidmatannya pada 1 November, 1986 yang antara lain berperanan pada mengendalikan permohonan penduduk yang menyertai rancangan tersebut.

Rancangan Perpindahan Kampong Pandan itu boleh menampung 10,500 orang penduduk di kawasan seluas 295 hektar (730 ekar) termasuk segala kemudahan sosial, komersial dan riadah di persekitaran yang direkabentuk dengan menarik dan jumlah lot yang dicadangkan sebanyak 1,450 buah.

Kawasan projek itu terletak di antara Kuala Belait dan Seria. Ianya disempadani oleh Jalan Mumong di sebelah selatan, jalan pantai yang sedang dibina di sebelah utara, cadangan rancangan perumahan Jabatan Kerja Raya di sebelah timur dan kawasan perumahan yang sedia ada di Kuala Belait di sebelah barat.

Kerja-kerja memajukan tapak projek dan pembinaan rumah-rumah tersebut dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk memudahkan penempatan semula penduduk dengan cara beransur-ansur. Dari itu kerja-kerja pembinaan telah dirancangkan dalam lima peringkat iaitu rumah jenis kelas A mempunyai kawasan 196.20 meter persegi, rumah jenis kelas B mempunyai 175.20 meter persegi, rumah jenis kelas C mempunyai 157.00 meter persegi, rumah jenis kelas D mempunyai 133.30 meter persegi dan rumah jenis kelas E mempunyai keluasan 106.90 meter persegi.

Kerja pembinaan bagi peringkat pertama telah dimulakan pada bulan Februari 1986 di mana sebanyak 224 unit rumah akan disediakan dalam jangka masa dua tahun.

Sementara itu projek perumahan negara Lambak Kanan dekat lebuhraya Berakas—Muara juga dilaksanakan di mana projek perumahan di kawasan tersebut keluasannya kira-kira 1,561 ekar dan dihasratkan dapat menampung lebih kurang 14,000 orang penduduk.

Seramai lapan puluh tiga orang pemohon di daerah tersebut berjaya terpilih dalam rancangan perpindahan perumahan negara peringkat pertama di kawasan Lambak Kanan, di Daerah Brunei-Muara.

Kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah rendah, pusat kemasyarakatan dan kedai-kedai tempatan juga akan disediakan di kawasan itu.





PEMANGKU Pengarah Kemajuan Perumahan, Dato Paduka Awang Haji Ibrahim (atas) dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa (bawah) ketika meletakkan batu asas bagi tapak pembinaan perumahan Kampong Pandan.



SUASANA sejurus sebelum meletakkan batu asas bagi pembinaan perumahan Kampong Pandan dimulakan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-415

# ARAK DAN HUKUM ORANG YANG TERLIBAT DENGANNYA



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

**Siri terakhir**

DIRIWAYATKAN oleh Al-Imam-Al-Imam Abu Daud yang ertinya: Allah Taala melaknat (mengutuk) arak, peminum arak, juru bawa arak bagi diminum, pembeli arak, penjual arak, pembuat arak, orang yang minta buatkan arak dan tukang angkat arak, orang yang diangkat arak kepadanya, dan diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan menambah: Dilaknat oleh Allah akan orang yang makan harga arak, dan Ibnu Majah dan At-Termizi dan lafaz hadis itu daripada At-Termizi dan katanya hadis itu 'Hasanun Gharibun".

Berkata Al-Hafiz Al-Imam Al-Munziri: Rawi-rawi hadis ini adalah orang thiqat yang ertinya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat dalam perkara arak sepuluh orang: tukang buat arak, orang yang minta buatkan arak, peminum arak, tukang angkat arak, orang yang diangkat arak kepadanya, tukang beri minum arak, penjual arak, pemakan harga arak, yang membeli arak dan orang yang membelikan kerana orang membeli arak.

Erti laknat itu ialah dihalau dan dijauhkan dari rahmat Allah Taala.

Erti dosa besar ialah bahawa orang yang melakukan dosa itu akan mendapat amaran yang keras sama ada dari Al-Quran atau Al-Hadis. Dengan azab dan siksa.

Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi dan katanya hadis ini 'gharib' yang ertinya: Apabila umat saya (umat Islam) membuat 15 perkara nescaya turunlah bala ke atas mereka, sahabat-sahabat bertanya apa 15 perkara ya Rasulullah? Sabda Baginda: Apabila ada harta tawanan perang dimiliki oleh sesuatu kumpulan lepas satu kumpulan, dan harta yang diamanahkan menjadi harta tawanan, dan zakat itu dipandang suatu bayaran denda yang mesti ditunaikan, suami taatkan isteri (kemudi di haluan), anak menyakiti dan derhaka kepada ibunya, anak berbuat baik kepada rakannya dan anak berbuat jahat kepada bapanya, suara bersahutan dalam masjid, ketua sesuatu kumpulan itu adalah ia sehina-hina daripada kumpulan itu, dan dimuliakan seseorang itu kerana takutkan kejahatannya, diminum arak merata-rata, dipakai pakaian sutera dan disediakan penyanyi-penyanyi perempuan dan alat-alat bunyibunyian (hiburan sebagaimana sekarang), dan melaknat orang-orang sekarang (orang kemudian) akan orang-orang dahulu daripada umat Islam, maka ketika itu tunggulah akan angin merah (taufan) atau sedutan di bawah bumi atau ditukar manusia menjadi kera dan seumpamanya.

Ini dia amaran ke atas orang-orang yang bersyubahat menjalankan usaha menyiarkan minuman arak, tuak atau samsu dan lain-lain nama yang diberikan kepada arak itu iaitu mereka kena bala petaka angin ribut, gempa bumi dan disedut oleh bumi atau ditukar rupa mereka kepada babi atau kera dan seumpamanya balasan ke atas mereka yang menghilangkan akal fikiran dan mabuk itu.

Hukum minum arak adalah suatu hukum siksa di dalam Islam, disebat 40 kali rotan, sebagaimana mencuri dipotong tangan dan membunuh dibalas bunuh jika tiada diampunkan oleh wali-wali si mati, dan menuduh perempuan Islam berzina disebat 80 kali rotan, dan berzina direjam jika ia muhsan, dan dara disebat 100 kali rotan. Jadi kesalahan minum arak adalah sangat besar dalam Islam oleh itu bersyubahat dan menyediakan arak bagi diminum oleh orang Islam atau bukan Islam adalah besar dosanya sebagaimana yang tersebut.

WALLAHUAKLAM

## Musabaqah Al-Quran

KEMENTERIAN Kewangan telah mengadakan pertandingan membaca Al-Quran bagi memilih wakil kementerian tersebut ke pertandingan peringkat kementerian yang akan diadakan kemudian.

Pertandingan yang dilangsungkan di Bangunan RBA pada 10 Januari lalu telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Gambar kanan kelihatan Dato Seri Laila Jasa Awang Abdul Rahman serta ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Kewangan ketika menghadiri pertandingan itu. Berita lanjut di muka 20. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



## Borang permohonan Pasport Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan ini dimaklumkan kepada semua bakal-bakal haji Negara Brunei Darussalam tahun 1988/1408 supaya datang ke Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait, Tutong dan Temburong untuk mendapatkan 'Borang Permohonan Pasport Haji' mulai 7 hingga 16 Januari 1988.

Borang-borang yang telah diisikan hendaklah dirujukkan semula kepada Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait, Tutong dan Temburong dan seterusnya dihantar ke Jabatan Imigresen Bahagian Pasport di daerah masing-masing.

# TIGA ORANG LAGI MEMELUK ISLAM

BERAKAS 7 Jan. — Dua orang pemuda Iban dari Malaysia baru-baru ini telah memeluk agama Islam dalam satu majlis yang berlangsung di salah sebuah rumah di Jalan Dato Simpson di sini.

Awang Mancah anak Nenggek berusia 19 tahun, sekarang dikenali sebagai Mohd. Hasni bin Abdullah dan Aden anak Ambak 21 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Mohd. Hazmi bin Abdullah.

Kedua saudara baru itu telah melafazkan ikrar Islam mereka di hadapan Ustaz Ismail bin Sulaiman dan Awang Haji Sirat, dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis pengislaman itu juga telah diserikan dengan zikir marhaban.

Sementara itu bertempat di Rumah Panjang Kampong Sibut, seorang gadis Iban, Dayang anak Malong telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Penghulu Mukim dan Ketua Kampong Amo pada 16 Disember, 1987 lepas.

Dayang anak Malong kini dikenali sebagai Dayang Rasyidah binti Abdullah. Antara yang hadir di majlis pengislaman tersebut termasuk Kadi Daerah Temburong, Awang Haji Lamit bin Haji Ibrahim dan pegawai kanan kerajaan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Di samping itu majlis juga telah diserikan dengan zikir marhaban.



MAJLIS Pengislaman bagi Awang Mohd. Hasni bin Abdullah dan Awang Mohd. Hazmi bin Abdullah yang berlangsung di Berakas. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Kemerosotan akhlak di kalangan generasi muda meningkat:

# PERELOK PERADABAN TINGKAH LAKU MEREKA




MARILAH sama-sama kita bertakwa kepada Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di dalam Al-Quran Allah ada berfirman di dalam surah At-Tauri ayat 21 yang kira-kira tafsirannya: *"Dan orang-orang yang beriman diturut oleh zuriat keturunan dengan cara beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga), dan kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikit pun dari pahala amal-amal mereka, tiap-tiap seorang manusia terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk) apa yang dikerjakannya."*

Dengan maksud ayat yang dinyatakan tadi adalah mengingatkan kita orang-orang mukmin supaya memberi ajaran dan didikan agama kepada anak isteri dan zuriat keturunannya untuk dapat mereka berhimpun dan bergembira bersama-sama di dalam Syurga Jannatul Na'im.

Di antara didikan yang sepatutnya diberikan kepada anak-anak ialah mengelokkan peradapan tingkah-laku mereka supaya benar-benar berakhlak sebagai generasi Muslim yang terkawal. Berilah pandangan yang sebenarnya kepada mereka terhadap kepentingan hidup di dunia dan akhirat mengikut pandangan Islam.

Ibu bapa juga adalah bertanggungjawab dan hendaklah sentiasa menjirusi fikiran anak-anak dengan nasihat yang berlandaskan agama. Sebagai ibu bapa, kita hendaklah menampakkan keredaan atau kebanggaan kita terhadap apa yang dilakukan oleh anak-anak selagi perbuatan itu baik dan tidak bertentangan dengan kehendak agama. Suatu perkara yang teramat penting kepada ibu bapa iaitu janganlah sekali-kali mereka bekerjasama dengan anak-anak di dalam melakukan perkara-perkara yang mungkar. Contohnya ibu bapa jangan cuba merestui jika anak gadis keluar dengan kekasihnya ataupun dengan mereka yang bukan muhrimnya. Ibu bapa sepatutnya merasa malu kepada masyarakat lebih-lebih lagi kepada Allah apabila melihat anak-anak mereka tidak berpakaian mengikut kehendak Islam.

Sebagai ibu bapa Islam, adalah dirasakan perlu mereka memberikan sedikit masa untuk berbicara dengan anak-anak mereka. Dengan ini akan menjinakkan hati-hati mereka dan juga kita dapat mengingatkan kesalahan-kesalahan mereka dan menerangkan bagaimana Allah telah menjanjikan kepada mereka azab yang teramat pedih jika mereka melakukan kesalahan terhadap Allah.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap insan Muslim untuk menyelamatkan dirinya serta keluarganya dari kemurkaan dan siksaan Allah, sebagaimana firman Allah yang maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh Malaikat-malaikat yang keras (kasar layanannya) mereka tidak menderhaka kepada Allah di dalam segala yang diperintahkan kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."*

Hendaklah kita ingat bahawa ayat yang dibacakan tadi adalah sebagai amaran Allah atau peringatan kepada kita sebagai hamba-Nya. Kita juga hendaklah insaf bahawa segala gejala buruk yang menimpa umat Islam di masa kini adalah dari hasil kelalaian kita selama ini yang mengabaikan pendidikan Islam yang sebenar-benarnya kepada generasi Islam.

Betapa kecewa hati kita bila melihat kenyataan pahit, di mana anak-anak sudah tidak mengenal agama, pergaulan mereka bebas, perbuatan mereka telah jauh menyimpang dari keredaan Ilahi. Suatu perkara yang jelas sekarang ialah timbulnya gejala kemerosotan akhlak generasi muda. Pada prinsipnya ialah kerana mereka tidak mengenal peraturan-peraturan Allah atau kerana tidak ada pendidikan yang diberikan oleh orang tuanya, sehingga sikap dan tindakan serta tingkah-laku dan perbuatan mereka menjadi liar. Sudah tentu jika keadaan sedemikian terus berlanjutan, tidak mustahil generasi akan datang diliputi kabus kegelapan, malah kelemahan akan lebih nyata yang akhirnya akan membawa kepada kehancuran dan akan sentiasalah mereka mengikut urusan nafsu syaitan sebagaimana firman Allah dalam surah An-Nisa ayat 9 yang bermaksud: *"Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh orang-orang (yang menjadi penjaganya) yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang da'if (yatim) di belakang mereka, tentulah mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka, oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)."*

Dari ayat ini kita dapat mengambil pengertian yang luas, bagaimana semestinya kita berbuat sesuatu untuk keselamatan anak-anak dan zuriat keturunan di masa hadapan. Dengan cara inilah kita berdoa kepada Allah semoga dijadikan-Nya orang-orang yang ikhlas dan dapat melaksanakan amanah yang telah diberikan-Nya. Moga-moga segalanya dapat memberi manfaat. Dengan itu insya-Allah, Allah akan mengembalikan kebahagiaan dan kehormatan umat Islam.

# Balasan bagi orang yang meninggalkan sembahyang Jumaat

## Menuju Keredaan Allah

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Ibn Umar dan Abu Hurairah radhiallahu anhuma. Keduanya telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda di atas mimbar yang maksudnya: "Harus menghentikan perbuatannya, orang-orang yang suka meninggalkan Sembahyang Jumaat, atau kalau masih tetap meninggalkannya, Allah akan menutup hati mereka, hingga mereka tergolong dari orang-orang yang lalai."

Demikian gambaran pembalasan orang-orang yang suka meninggalkan dan tidak mengindahkan kewajipan menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Allah akan menutup hati mereka hingga mereka tergolong ke dalam golongan orang-orang yang lalai.

Padahal telah terang dan jelas diterangkan di dalam Al-Quran tentang suruhan menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat itu. Dan selepas kita mengingati Allah itu kita disuruh pula mencari kurnia Allah. Namun demikian masih jua kita dapati ada yang menganggap menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat itu boleh merugikan, membuang masa dan jika ia ahli perniagaan ia menganggapnya akan kerugian wang ringgit. Suatu anggapan yang salah dan perlu diperbetulkan, malah perlu menyatakan taubat dan keampunan daripada Allah.

Kita perhatikan saja sabda-sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diperturunkan di bawah ini:

1. Daripada Abu Hurairah radhiallahu anhu beliau mengatakan: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Siapa yang mandi di hari Jumaat bagaikan mandi janabah kemudian segera pergi ke masjid, maka bagaikan berkorban unta, dan siapa yang pergi pada peringkat kedua bagaikan berkorban lembu, dan siapa yang pergi pada peringkat ketiga bagaikan berkorban kambing dan siapa yang pergi pada peringkat keempat, bagaikan berkorban ayam dan siapa yang pergi pada peringkat kelima, maka bagaikan sedekah telur. Dan apabila Imam telah keluar untuk berkhutbah, hadirlah para Malaikat mendengarkan zikir (nasihat peringatan)." Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim.

2. Abu Hurairah radhiallahu anhu berkata: Bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: "Siapa yang bersuci di rumahnya kemudian berjalan ke masjid untuk menunaikan sembahyang fardu, maka semua langkahnya dihitung, yang satu untuk menghapuskan dosa dan yang kedua untuk menaikkan darjat." Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim.

3. Salman radhiallahu anhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Tiada seorang yang mandi di hari Jumaat dan bersuci sedapatnya, kemudian berminyak dan berharum-harum sedapatnya, kemudian keluar ke masjid; dan tidak memisahkan antara dua orang yang telah duduk, lalu sembahyang sunat sedapatnya. Kemudian bila Imam telah berkhutbah ia mendengar dan memperhatikan, melainkan dapat dipastikan akan diampunkan baginya dosa yang terjadi antara hari itu dengan Jumaat yang lalu." Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari.

Demikianlah antara keberuntungan yang kita perolehi bila menyahut panggilan untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Bukan itu saja, malahan keberuntungan itu kita perolehi sejak kita berniat untuk menunaikannya. Jadinya anggapan yang mengatakan meluangkan masa untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat adalah merugikan masa, tenaga dan perniagaan adalah salah. Ia bukannya menyekat kita dari mencari rezeki, malahan kita adalah disuruh bertebaran mencari kurnia Allah sebaik-baik saja selesai menunaikan perintah-Nya itu.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 13 Januari hingga ke hari Selasa 19 Januari, 1988 adalah seperti di bawah ini :-

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATAHARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| **Januari** | | | | | | | | | | | | |
| 13 | 12.31 | 3.51 | 3.52 | 6.24 | 6.25 | 7.38 | 7.39 | 5.18 | 5.04 | 5.19 | 6.32 | 6.33 |
| 14 | 12.31 | 3.51 | 3.52 | 6.24 | 6.25 | 7.38 | 7.39 | 5.19 | 5.05 | 5.20 | 6.33 | 6.34 |
| 15 | 12.32 | 3.52 | 3.53 | 6.25 | 6.26 | 7.39 | 7.40 | 5.19 | 5.05 | 5.20 | 6.33 | 6.34 |
| 16 | 12.32 | 3.52 | 3.53 | 6.25 | 6.26 | 7.39 | 7.40 | 5.20 | 5.05 | 5.21 | 6.33 | 6.34 |
| 17 | 12.32 | 3.52 | 3.53 | 6.25 | 6.27 | 7.39 | 7.40 | 5.21 | 5.06 | 5.22 | 6.33 | 6.34 |
| 18 | 12.33 | 3.53 | 3.54 | 6.26 | 6.27 | 7.40 | 7.41 | 5.21 | 5.06 | 5.22 | 6.34 | 6.34 |
| 19 | 12.33 | 3.53 | 3.54 | 6.26 | 6.27 | 7.40 | 7.41 | 5.21 | 5.07 | 5.22 | 6.34 | 6.35 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# PELBAGAI RAGAM KANAK-KANAK HARI PERTAMA PERSEKOLAHAN

MENDIDIK kanak-kanak sejak kecil lagi samalah seperti melentur buluh biarlah semasa rebung lagi. Di peringkat inilah kita perlu memberikan pelajaran yang berorientasikan kesedaran sivik dan juga menanamkan pendidikan cintakan bangsa, agama, raja dan negara. Keperluan seumpama ini wajar kita lakukan sebagai asas dalam membentuk generasi yang berguna kepada bangsa dan negara.

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Persediaan awal dan asas bagi kanak-kanak ialah memasuki alam persekolahan kerana seperti yang kita sedia maklum persekolahan itu sendiri telah berjaya melahirkan generasi-generasi yang berilmu dan berpendidikan tinggi.

Pengalaman pertama di dunia persekolahan telah banyak meninggalkan berbagai-bagai kenangan manis yang tidak dapat dilupakan bagi kita yang pernah melangkah alam persekolahan. Kesemuanya ini telah menjadi kelaziman kepada kita untuk dijadikan 'ristaan' di hari tua kerana di masa kecil kita ditimang ibu sudah besar menabur jasa.

Memang menjadi kebiasaan pada hari pertama sekolah dibuka pada setiap tahun. Pelbagai ragam dan keolahan kanak-kanak dapat kita lihat.

Antaranya ada yang riang dan ada pula yang berasa sedih bila berada di kelas masing-masing, maklum sajalah tidak di samping ayah dan ibu tersayang. Bagi yang gembira menunjukkan mereka senang bergaul dengan rakan-rakan yang sebaya lebih-lebih lagi bagi mereka pernah memasuki kelas tadika yang tumbuh di merata-rata tempat di negara ini. Perasaan takut dan gentar tidak timbul sebaliknya mereka merasa riang dan bergaul dengan rakan-rakan yang datang dari berbagai-bagai kampung.

Kesedihan yang mereka alami itu hanyalah untuk beberapa hari sahaja. Dalam pada itu ibu bapa serta guru mengambil peranan masing-masing untuk memujuk bagi menghilangkan rasa takut itu. Berbagai cara yang dilakukan bagi memujuk mereka, ada yang menghadiahkan buku-buku, pensil dan garisan bagi menyukakan hati mereka. Bekalan atau "bata" seperti teh, kopi dan milo dan kuih-muih tidak ketinggalan dibawa oleh kanak-kanak itu untuk diteguk bila dahaga yang disediakan awal-awal lagi oleh para ibu.

Menurut statistik yang diberikan Kementerian Pelajaran, hampir empat ribu orang murid-murid baru telah mendaftar bagi memasuki kelas-kelas pra-sekolah di semua sekolah rendah kerajaan tahun ini. Jumlah itu meningkat 200 orang dibandingkan pada tahun lalu. Pada tahun 1986 sahaja terdapat 3,000 orang kanak-kanak yang mendaftarkan diri. Jumlah ini bertambah sejak tahun 1986-1987.

Dari jumlah kemasukan itu, seramai 2,600 orang kanak-kanak didaftarkan di 54 buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara. 515 orang didaftarkan di 33 buah sekolah Daerah Tutong. Di Daerah Belait terdapat 580 orang murid baru dibahagikan 14 buah sekolah, sementara di Daerah Temburong pula hampir 200 murid memasuki 13 buah sekolah rendah daerah itu.

Kemasukan kanak-kanak melalui pra-sekolah itu telah bermula sejak hari Isnin, 4 Januari dan akan berakhir pertengahan bulan ini.

Adalah dianggarkan seramai 2,000 orang murid-murid lelaki dan selebihnya adalah murid-murid perempuan. Murid-murid baru yang diterima memasuki kelas pra-sekolah terdiri dari mereka yang menjangkau umur lima tahun pada 1 Januari, 1988.

Pendidikan yang diberikan di kelas-kelas berkenaan meliputi asas-asas pelajaran sistem 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang mana sistem itu telah mula diperkenalkan sejak tahun 1979.

Sejauh ini pencapaian yang diterima dari mata-mata pelajaran sistem 3M amatlah memuaskan dan menampakkan kejayaannya sesuai dengan kaedah dan kurikulum pelajaran di negara ini yang semakin meningkat dari masa ke semasa.



JANGAN menangis sayang.... mungkin inilah yang dibisikkan oleh si ayah kepada anaknya yang baru saja memasuki pra sekolah.



BAGI setengah kanak-kanak walaupun baru berkenalan tetapi mereka mudah mesra. Bermain dengan kawan-kawan sikap semulajadi kanak-kanak yang dapat memberi kepuasan dan keseronokan kepada mereka.



TERMENUNG.... Adik Md. Shah bin Idris merasakan alam persekolahan yang baru dialaminya begitu asing kerana jauh berbeza dengan keadaan di rumah.

# Pembayaran air dan gas dibuat dua bulan sekali

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya memaklumkan tuntutan air dan gas akan dibuat sekali bagi tiap-tiap dua bulan.

Penerimaan tuntutan tersebut adalah sebulan kebelakangan dari tarikh penggunaan air dan gas yang berkenaan. Pembayarannya bolehlah dibuat dalam tempoh 14 hari setelah penerimaan tuntutan tersebut. Kegagalan membuat pembayaran akan mengakibatkan pemotongan bekalan air dan gas di tempat yang digunakan.

Orang ramai yang tidak menerima tuntutan bekalan air dan gas pada waktu yang telah ditetapkan di atas bolehlah berhubung dengan Jabatan Kerja Raya Bahagian Air. Sehubungan dengan ini dinyatakan tempat-tempat membuat pembayaran di daerah-daerah yang berkenaan. Waktu-waktu pembayaran telah pun disediakan di belakang tuntutan bekalan air dan gas.

Bagi Daerah Brunei/Muara.

1. Bahagian Pembayaran Air, Jabatan Kerja Raya, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Bahagian Air Cawangan Jerudong, Jalan Simpang Jerudong, Negara Brunei Darussalam.
3. Bahagian Air Cawangan Muara, Pekan Muara Negara Brunei Darussalam.

Bagi Daerah Tutong.

1. Jabatan Kerja Raya Bahagian Air Tutong, Pekan Tutong.

Bagi Daerah Kuala Belait.

1. Bahagian Pembayaran Bekalan Air & Gas, JKR, Perhentian Bas, Kuala Belait.
2. Bahagian Pembayaran Bekalan Air & Gas JKR, Seria.

RAJAH kanan menunjukkan jadual tuntutan air dan gas di seluruh negara.

Daerah Brunei-Muara.

| Bacaan Meter Bagi Bulan | Tuntutan Disediakan | Penghantaran Tuntutan | Penerimaan Bayaran |
|---|---|---|---|
| Okt dan Nov 87 | Dis 87 | Jan 88 | Jan 88 |
| Dis 87 dan Jan 88 | Feb 88 | Mac 88 | Mac 88 |
| Feb dan Mac 88 | April 88 | Mei 88 | Mei 88 |
| April & Mei 88 | Jun 88 | Julai 88 | Julai 88 |
| Jun & Julai 88 | Ogos 88 | Sept 88 | Sept 88 |
| Ogos & Sept 88 | Okt 88 | Nov 88 | Nov 88 |
| Okt & Nov 88 | Dis 88 | Jan 89 | Jan 89 |
| Dis 88 & Jan 89 | Feb 89 | Mac 89 | |

Daerah Tutong dan Kuala Belait

| Bacaan Meter Bagi bulan | Tuntutan Disediakan | Penghantaran Tuntutan | Penerimaan Bayaran |
|---|---|---|---|
| Nov & Dis 87 | Jan 88 | Feb 88 | Feb 88 |
| Jan & Feb 88 | Mac 88 | April 88 | April 88 |
| Mac & April 88 | Mei 88 | Jun 88 | Jun 88 |
| Mei & Jun 88 | Julai 88 | Ogos 88 | Ogos 88 |
| Julai & Ogos 88 | Sept 88 | Okt 88 | Okt 89 |
| Sept & Okt 88 | Nov 88 | Dis 88 | Dis 88 |
| Nov & Dis 88 | Jan 89 | Feb 89 | Feb 89 |

# Serah watikah perlantikan

TUAN Yang Terutama Dato Paduka Awang Hamid bin Jaafar telah menyampaikan surat watikah perlantikan selaku Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Negara Nepal.

Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Hamid bin Jaafar telah dilantik selaku Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap ke Nepal.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Watikah Perlantikan kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev, Raja Nepal bertempat di Istana Diraja Narayanhity, Kathmandu pada 18 Disember, 1987. (gambar).

Sejurus sebelum upacara penyerahan surat watikah perlantikan dilangsungkan, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Hamid telah menerima tabik hormat barisan kehormatan di kawasan istana berkenaan.

Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Hamid adalah juga Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand.






## Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 6.1.1988

**BANDAR SERI BEGAWAN 2085**

1) Bawang Besar 1 kilogram $1.30/1 kati 80 sen.
   a) Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
   b) Kedai Leong Suom Huat, No. 1, Jalan McArthur.

2) Kacang Hijau 1 kilogram $1.30/1 kati 80 sen.
   a) Kedai Chop Hock Huat No. 62 Jalan McArthur.

3) Ubi Kentang 1 kilogram $1.00/1 kati 60 sen.
   a) Kedai Chop Suom Huat No. 28, Jalan Sultan.

**TUTONG 5082**

1) Bawang Besar 1 kilogram $1.60/1 kati $1.00.
   a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.

2) Kacang Hijau 1 kilogram $1.65/1 kati $1.00.
   a) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.

3) Ubi Kentang 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
   a) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.

**SERIA 7087**

1) Bawang Besar 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
   a) Haji C. A. Mohammad No. 51 Jalan Bunga Kuning.

2) Kacang Hijau 1 kilogram $1.65/1 kati $1.00.
   a) Kedai Chin Siong Hin No. 3 Jalan Sultan Omarali.
   b) Chop Siong Yick No. 54 Jalan Bunga Kuning.

3) Ubi Kentang 1 kilogarm $1.65/1 kati $1.00.
   a) Kedai Sim Fatt Hin No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
   b) Chop Kian Huat No. 53 Jalan Bunga Kuning.

**KUALA BELAIT 6083**

1) Bawang Besar 1 kilogram $1.65/1 kati $1.00.
   a) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
   b) Kedai Guan Heng. No. 30, Jalan Sungai.

2) Kacang Hijau 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
   a) Yun Seng Trading 84 Jalan Bunga.
   b) Kedai Ng Ming Hong No. 101 Jalan McKerron.

3) Ubi Kentang 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
   a) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Limau Manis | 13.1.1988 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Pengkalan Batu | 13.1.1988 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Rendah Masin | 13.1.1988 | Rabu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Kupang | 13.1.1988 | Rabu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Pantai Berakas | 14.1.1988 | Khamis | 9.00–10.00 pagi |
| Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas Garison | 14.1.1988 | Khamis | 10.05–11.05 ,, |
| Sekolah Rendah Bunut | 14.1.1988 | Khamis | 9.45–10.45 ,, |
| Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat, Pusat Bahagia Pulaie | 14.1.1988 | Khamis | 9.30–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Jerudong | 16.1.1988 | Sabtu | 8.30– 9.30 ,, |
| Pusat Tahanan Jerudong | 16.1.1988 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Rendah Sengkurong | 16.1.1988 | Sabtu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Bebuloh | 16.1.1988 | Sabtu | 10.00–11.00 pagi |
| Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut) | 16.1.1988 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah OKSB Kilanas | 16.1.1988 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu | 17.1.1988 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kampong Perpindahan Serasa | 17.1.1988 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di Hadapan Kedai Muara | 17.1.1988 | Ahad | 11.30–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Lumapas | 18.1.1988 | Isnin | 9.30–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Junjungan | 18.1.1988 | Isnin | 9.00–10.00 ,, |
| Sekolah Rendah Panchor Murai | 18.1.1988 | Isnin | 10.15–11.15 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah) | 18.1.1988 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas | 18.1.1988 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Rendah OKBI Subok | 19.1.1988 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak | 19.1.1988 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Bolkah Garison | 19.1.1988 | Selasa | 10.00–11.00 ,, |

# NEGARA TUAN RUMAH DIALOG PENULIS TELUK

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN. — Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Dialog Penulis Teluk atau lebih dikenali sekarang Dialog Teluk Brunei pada bulan Ogos depan.

Pemilihan negara kita itu terkandung dalam Resolusi Dialog Penulis Teluk I yang berlangsung di sini pada 24 hingga 27 Disember, 1987.

Dialog Teluk Brunei seperti yang terkandung dalam resolusi itu akan dijadikan wadah rasmi antara persatuan-persatuan GAPENA (Malaysia) dan ASTERAWANI (Brunei Darussalam) untuk kepentingan bersama. Satu sekretariat perlu dibentuk sebagai badan penyelaras untuk mengumpul karya-karya kreatif sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis sebagai kajian.

Resolusi Dialog Penulis Teluk I yang berlangsung di Wilayah Persekutuan Labuan itu dihadiri oleh 54 orang peserta dari Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan ASTERAWANI dan tiga orang wakil dari Persatuan PERKASA.

Tujuan pertemuan itu menurut Ketua I PERWILA, Awang Mohammad Omar Bledram ialah untuk mempertemukan kalangan penulis dan ahli-ahli budayawan dari wilayah serumpun yang berbahasa Melayu untuk berkenal-kenalan, mempereratkan persaudaraan, meninjau dan menghayati sekitar kehidupan budaya di daerah yang dikunjungi, berbincang dan bertukar-tukar fikiran khusus mengenai penulisan sastera dan budaya serta mempertingkat dan memperkembangkannya.

Empat kertas kerja telah diperbincangkan antaranya ialah "Arah dan Cita-cita Dalam Memperkembangkan Karya Sasterwan" (PERWILA), "Bahasa Mantera Masyarakat Melayu" dan "Syair dan Lagu-lagu Tradisi Rakyat" (ASTERAWANI) di samping dua kertas kerja dari Kuala Penyu dan Badan Seni Budaya Limbang.

## Sambungan dari muka 1

"Seperti rancangan-rancangan perumahan lain yang sedang giat dilaksanakan, skim tersebut bukan saja mengandungi peruntukan perumahan semata-mata bahkan ianya bertujuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan awam yang diperlukan demi mewujudkan suasana penghidupan yang sempurna dan harmoni dengan cara hidup kita yang bermasyarakat," ujar Dato Paduka Awang Haji Ibrahim.

Menurutnya, dengan adanya suasana masyarakat yang selesa dan sempurna akan wujud dan lahirlah semangat perpaduan yang dapat menyumbangkan khidmat keamanan, kesejahteraan dan ketenteraman negara yang sudah setentunya rancangan komprehensif seperti ini memerlukan perancangan dan penyelenggaraan yang terperinci dan teratur.

Sehubungan dengan itu, katanya, Rancangan Perumahan Kampong Pandan ini tidak terkecuali akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan pihak kerajaan serta keutamaan kepada kehendak penduduk yang berpatutan.

# Orang ramai dijemput hadiri syarahan

BANDAR SERI BEGAWAN 13 Jan. — Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan mengundang Profesor Von Klitzing dari Republik Persekutuan Jerman untuk menyampaikan dua syarahan bermula dari 19 hingga 22 Januari depan.

Syarahan umum yang bertajuk 'How Long Is A Metre' akan diadakan pada 19 Januari bertempat di Dewan Jubli Perak, IPSHB bermula jam 7.30 malam. Sementara syarahan kedua berbentuk saintifik dengan tajuk 'Basic Research In Electronics' akan diadakan pada 21 Januari bertempat di Dewan Kuliah J, Universiti Brunei Darussalam bermula jam 10.30 pagi.

Menurut jurucakap UBD, Profesor Von Klitzing adalah pemenang hadiah novel di dalam bidang fizik pada tahun 1985 dan kini beliau berkhidmat sebagai Pengarah Max-Planck Institute For Solid State Physics di Stuttgart, Jerman.

Orang ramai yang berminat untuk mendengarkan syarahan tersebut adalah dengan ini dialu-alukan untuk menghadirinya pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.



SEBAHAGIAN dari hadirin, termasuk Tuan-tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan duta-duta asing ke negara ini di Malam Puisi Antarabangsa.

## Agar Melayu tidak hilang di dunia

# PERTAHAN DAN KEMBANGLUASKAN BAHASA MELAYU

Oleh Timbang Bakar dan Dk. Fatimah
Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO.

**BENARKAH** seperti yang dikatakan oleh Hang Tuah "Takkan Melayu Hilang Di Dunia?" Untuk menjawabnya dan yang dapat menentukannya adalah kita, orang Melayu itu sendiri. Kata-kata hikmat ini telah diwariskan oleh pahlawan Melayu itu sebagai azimat yang dapat memberikan inspirasi dan motivasi ke arah mendidik dan memimpin generasi Melayu supaya kekal menjadi bangsa yang berwibawa, berdaulat, kuat beragama, teguh memegang adat, taat kepada raja, berbudi bahasa dan berhimah tinggi.

Inilah sebahagian daripada ciri-ciri kehidupan murni orang-orang Melayu. Dan ciri-ciri inilah juga yang mesti dipertahankan dan dijaga sebagai cara hidup kita. Tetapi dalam konteks agar Melayu tidak hilang di dunia yang amat penting dijaga, dipertahankan dan seterusnya dikembangluaskan ialah bahasa Melayu itu sendiri. Kerana bahasa merupakan alat komunikasi yang membolehkan kita berhubung, mengenali dan dikenali. Bak kata pepatah Melayu "Dikenal pokok dari buahnya, dikenal bangsa dari bahasanya".

Justeru kepentingan yang sedemikian itu, kira-kira 25 tahun lalu kerajaan telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka yang sudah tentu tujuannya adalah untuk menjaga, memelihara, membisaikan, mengimplementasikan dan mengembangluaskan penggunaan bahasa Melayu, bukan saja di kalangan orang-orang Melayu bahkan juga kepada masyarakat bukan Melayu.

Ke arah mencapai cita-cita tersebut Dewan Bahasa dan Pustaka telah, sedang dan akan mengungkayahkan berbagai program yang bersemangatkan "Bahasa Jiwa Bangsa". Program-program itu termasuklah menggalakkan bidang penulisan sastera puisi, budaya dan berbagai cabang ilmu yang lain, mengemaskinikan istilah-istilah bahasa dengan mengadakan penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian tertentu dan lain-lain lagi.

Dalam mengungkayahkan aktiviti-aktiviti ke arah meningkatkan dan mengembangkan kesusasteraan tanahair yang sekaligus juga memperjuangkan kedaulatan Bahasa Melayu yang telah dimaterikan di dalam Perlembagaan negara kita sebagai bahasa rasmi negara, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) nampaknya tidak berjalan bersendirian. Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) yang merupakan persatuan penulis tunggal di negara ini, tanpa kendur-kendurnya telah mengungkayahkan berbagai aktiviti sastera dan budaya dari peringkat yang sekecil-kecilnya hinggalah ke peringkat antarabangsa.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali semasa berucap di Malam Puisi Antarabangsa.

Atas prinsip "Hidup Bahasa Hiduplah Bangsa, Lenyap Bahasa Lenyaplah Bangsa" yang perlu dijaga dan diperjuangkan, dan perjuangan itu biasanya menuntut pengorbanan. Demikianlah halnya ASTERAWANI, walaupun mungkin 'payah' kerana ianya hanya merupakan sebuah organisasi yang keupayaan dan kemampuannya agak terhad, tetapi terus melangkah seiring dan sejalan dengan DBP yang dianggap sebagai indung oleh ASTERAWANI.

Malam Puisi Antarabangsa yang dianjurkan oleh ASTERAWANI yang belum lama berlalu menampakkan suatu kesungguhan ASTERAWANI dalam perjuangannya di bidang seni dan sastera. Walaupun kejayaannya terletak pada sukat-sukat kita masing-masing, tetapi sekurang-kurangnya ia telah dapat menampilkan para penyair berbilang bangsa ke satu gelanggang permainan puisi di mana masing-masing mencurahkan idea, pandangan, perasaan untuk dihayati oleh penonton.

Kesannya tentu ada pada penonton walaupun tidak dapat dilihat, kerana yang turun ke gelanggang pada malam itu bukannya calang-calang orang. Antaranya Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Ali, meskipun tidak membaca puisi tetapi puisi beliau yang berjodol "Kampong Air" telah dibacakan oleh Rosni Samli; Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Haji Ahmad bin Kadi telah mempesonakan penonton kerana telah melupakan Bahasa Melayu (buat seketika) dan tampil dengan puisi dalam Bahasa Tagalog; dan ramai lagi penyair-penyair tanahair seperti A.S.Isma, Adi Kelana, M. Sharif Naweh dan lain-lain lagi muncul dengan puisi masing-masing.

Yang paling menarik perhatian pada malam itu ialah sambutan yang diberikan oleh penyair-penyair asing yang antaranya termasuklah pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi dan duta-duta ke negara ini. Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Persekutuan Jerman masing-masing telah mengalunkan puisi tentang keindahan negara mereka. Peserta dari negara matahari terbit, Jepun juga tidak ketinggalan mendeklamasikan puisi.

Puisi yang bercorak keagamaan yang meristakan tentang keagungan perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah disampaikan oleh penyair dari Republik Mesir Al-Ustaz Mohemed Mohemed.

Apabila Bahasa Melayu diselitkan dalam pembacaan beberapa puisi antarabangsa pada malam tersebut merupakan suatu gambaran bahawa Bahasa Melayu itu sudah melimpasi ruang lingkup alam Melayu, dan ini satu petanda baik kepada perkembangan dan survival Bahasa Melayu di masa akan datang.




PESERTA dari Republik Persekutuan Jerman sedang mendeklamasikan puisinya dengan gaya yang tersendiri.



PESERTA dari Bangladesh sedang mendeklamasikan puisi dalam bahasa ibundanya.



PESERTA dari Jerman dan Mesir kelihatan begitu khusyuk menghayati puisi-puisi yang dideklamasikan.

# rtb/intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

## RAMPAI PAGI DAN RAMPAI PETANG '88

RADIO Brunei pada awal tahun 1988 ini telah membuat beberapa pembaharuan dalam kandungan rancangan-rancangan 'Selamat Pagi' dan juga 'Rampai Petang'nya. Ini adalah untuk menyelaraskan dengan keadaan semasa dan juga kehendak pendengar di negara ini, yang semakin meminati rancangan-rancangan siaran radio mereka, iaitu Radio Brunei.

Sebagaimana yang telah kita maklumi bersama bahawa siaran Radio Brunei amat berfaedah sekali diikuti dan diketahui oleh seluruh masyarakat di negara ini. Apa yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah siaran Radio Brunei kita pada keseluruhannya memberikan maklumat-maklumat penting.

Di samping itu, perkhidmatan Radio Brunei kita juga menghidangkan berbagai-bagai rancangan berbentuk pendidikan dan hiburan. Dalam sudut-sudut ini pula banyak manfaatnya yang boleh kita ambil, terutamanya bagi membentuk kehidupan kita pada masa-masa akan datang. Kerana, dalam zaman kemajuan teknologi moden ini bahan-bahan pengetahuan tidak hanya didapati daripada buku-buku bacaan saja. Malahan, bidang-bidang penyiaran juga telah diperkemaskinikan sebagai media yang dapat menyalurkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat pendengarnya.

Menyentuh rancangan-rancangan 'Selamat Pagi' dan juga 'Rampai Petang' yang diusahakan oleh Radio Brunei sejak beberapa tahun dulu, dan pada tahun 1988 ini diselaraskan pula dengan perkembangan semasa dan juga kehendak pendengar di negara ini. Pada hemat kami, rancangan-rancangan 'Selamat Pagi' dan 'Rampai Petang' tahun 1988 ini dapat memberikan kepelbagaian 'hidangan' pendengaran awda, yang berbentuk aneka jenis maklumat dan hiburan Antaranya ialah hiburan lagu-lagu yang sesuai dengan keadaan suasana pagi yang masih segar. Seterusnya maklumat-maklumat penting sekitar negara kita dan juga keadaan semasa.

Bagi pandangan kami di studio Radio Brunei awda pendengar tentulah berkehendakkan berbagai-bagai panduan dan penerangan semasa dari kami. Awda tentu ingin mengetahui hal-ehwal negara kita Brunei Darussalam, panduan waktu sembahyang, ramalan cuaca, makluman air pasang surut, berita sukan, catatan radio, radio minggu ini (hanya disiarkan setiap pagi Rabu), kempen-kempen semasa, maklu-man-makluman semasa, berbudi bicara di jalan raya, promo rancangan-rancangan radio dan televisyen dan sebagainya. Untuk mengikuti rancangan maklumat-maklumat ini ikutilah 'Selamat Pagi' pada jam 8.15 pagi hingga 10.00 pagi.

Manakala, 'Rampai Petang' yang disiarkan antara jam 4.30 petang hingga 5.30 petang pula akan diselitkan berbagai maklumat semasa yang berlaku di keempat-empat daerah di negara kita. Di samping itu, hiburan lagu-lagu dan juga Sudut Pelita (yang hanya disiarkan setiap hari Rabu) akan dapat didengar.

Kami rasa setakat ini rancangan 'Selamat Pagi' dan juga 'Rampai Petang' di Radio Brunei agak baik perjalanannya. Namun begitu kadangkala ada juga masalah-masalah yang timbul dihadapi oleh para penerbit yang pergi ke daerah-daerah, yang berhadapan dengan pihak-pihak yang tertentu dan juga orang ramai. Kerjasama yang lebih erat adalah sangat-sangat diharapkan bagi pihak Radio Brunei dapat menyampaikan bahan-bahan makluman secara tepat dan lengkap kepada masyarakat pendengar. Bagi pandangan kami setiap maklumat-maklumat yang disiarkan kepada orang ramai adalah merupakan salah satu usahasama, bagi mendukung hasrat kerajaan dan negara. Justeru itu, Radio Brunei adalah merupakan alat komunikasi yang berkesan bagi menyalurkan apa saja maklumat jabatan-jabatan kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Jadinya, pergunakanlah rancangan 'Selamat Pagi' dan juga 'Rampai Petang' di Radio Brunei bagi menyampaikan makluman-makluman kepada rakyat dan penduduk di negara ini sepanjang tahun 1988 ini.

**BORANG UNTUK RANCANGAN TAHNIAH DAN UCAP SELAMAT :**

Nama pengirim :..........

Alamat :..........

Telefon (pengirim) :..........

Tarikh siaran :..........

Dalam ruangan : SELAMAT PAGI / RAMPAI PAGI

Ditujukan buat:..........

Kerana :..........

..........

(Melangsungkan Perkahwinan/Menyambut Hari Jadi/dan lain-lain)

Iringan ucapan :..........

..........

..........

No. Telefon yang ditujukan :..........

Kepada :

Penerbit Rancangan Tahniah dan Ucap Selamat,
Bahagian Melayu Radio Brunei,
Radio Televisyen Brunei,
Jabatan Penyiaran dan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan 2042,
Negara Brunei Darussalam.



## TETAMU RADIO

TIDAK dinafikan meskipun telah menghasilkan 10 buah album namun nama Dian mula meniti di bibir peminat bila lagu Tak Ingin Sendiri mula berkumandang di corong-corong radio. Awda dijemput mengikuti bualan penerbit Hasnan Suhaili dengan DIAN PIESHESHA.

Siarannya hari Jumaat 15 Januari, 1988, jam 4.00 petang dan akan diulang siarannya pada hari Selasa jam 1.30 petang.

Sandiwara Radio:

## "MENUMPANG"

PENULIS A. Mohamad Timbang sekali lagi diberi peluang untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini dengan cerita yang berjudul "MENUMPANG."

Watak Mila terpaksa menempuhi kesengsaraan hidup setelah suaminya meninggal dunia. Walaupun Nordin adalah abang kandungnya, tetapi Mila sendiri merasakan yang kehadirannya nanti dalam keluarga mereka akan menambahkan bebanan Nordin.

Apa yang dirasakan oleh Mila itu benar-benar menjadi kenyataan apabila Janariah isteri Nordin secara terang-terangan tidak bersetuju dengan keputusan suaminya mengajak Mila tinggal bersamanya. Segala-galanya terpaksa Mila hadapi dengan kesabaran.

Berita kematian suaminya itu senghaja disembunyikan dari pengetahuan anaknya Kamran yang sedang menuntut di luar negeri. Hanya bila Kamran kembali untuk bercuti saja ia mengetahui akan kedudukan yang sebenarnya. Semua itu Mila lakukan demi untuk kemajuan Kamran di bidang pelajarannya.

Sejak Mila hidup menumpang di rumah Nordin, tidak pernah ia merasa tenteram. Janariah pula mengambil kesempatan memperhambakan Mila dengan menyerahkan semua kerja rumah kepadanya.

Kerana penderitaan yang ditanggungnya itulah membuatkan Mila sedar dan berharap penuh agar Kamran cuba seberapa yang boleh untuk memperolehi kejayaan di bidang pelajarannya untuk menjamin masa depan mereka.

Mila kemudiannya keluar juga dari rumah abangnya dan telah memperolehi pekerjaan sendiri. Apakah yang akan terjadi seterusnya? Jangan lupa, siaran sandiwara ini akan dapat diikuti pada 17 Januari, 1988, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Rasinah Pg. Hj. Kahar.

Mari Memasak:

## DAGING PANGGANG BERINTI

BAHAN-BAHANNYA :—

1 kilogram daging lembu
2 — 3 keping daging (2 sm tebal)
½ sudu teh garam
¼ sudu teh serbuk lada hitam
2 sudu besar mentega
1 sudu besar minyak masak
2½ cawan air rebusan daging
1 sudu besar halia dicincang

INTINYA :—

1 sudu besar mentega
4 ulas bawang kecil (dicincang)
1 batang lobak merah (dicincang)
1 cawan serbuk roti
110 gram kismis direndam dengan 4 sudu besar air limau selama 20 minit
1 sudu teh kuilt limau
1 sudu besar daun parsely (dicincang)
¼ sudu teh rempah campur
¼ sudu teh serbuk lada hitam.

CARA MEMBUATNYA :—

1. Panaskan mentega, goreng bawang dan lobak kira-kira 7 minit.
2. Campurkan bawang goreng dan lobak ke dalam mangkok bersama kismis, parsely, serbuk roti, kulit limau, lada hitam dan rempah.
3. Dengan menggunakan pisau yang tajam belah daging di tengah-tengah. Ratakan garam, lada hitam dan halia di bahagian dalam daging.
4. Isikan inti tadi ke dalam daging tutup dengan kepingan daging lalu diikat.
5. Panaskan mentega dan minyak goreng daging sebentar. Tuang air rebusan daging hingga menutupi separuh bahagian daging biarkan mendidih.
6. Tutup dengan foil bakar di oven selama 45 minit hingga 1 jam.
7. Hidangkan bersama kentang rebus, nasi atau pulut.

## Roti Gula Merah

BAHAN-BAHANNYA :—

1 sudu teh mentega
2 cawan tepung atta (tepung cappati)
1 cawan tepung gandum (diayak)
2 sudu teh bicarbonate of soda
1 cawan gula merah
1 sudu teh serbuk kayu manis
½ sudu teh serbuk halia
1 sudu teh kulit limau (diparut halus)
1 biji telur (dipukul sedikit)
140 gram krim
2 sudu besar dark treacle.

CARA MEMBUATNYA :—

1. Panaskan oven. Sapukan mentega.
2. Di mangkok yang besar campurkan tepung atta, tepung gandum, bicarbonate of soda, gula, kulit kayu manis, kulit limau, serbuk halia, dikacau dengan senduk kayu.
3. Tuang telur, krim treacle di tengah-tengah tepung lalu dikacau hingga rata.
4. Masukkan adunan ke dalam tin pembakar lalu dibakar selama 40 minit hingga masak.
5. Sejukkan dahulu sebelum dipotong. Hidangkan bersama mentega atau keju.

# BELIA SEBAGAI PEMBINA MASYARAKAT YANG SEMPURNA

***KERTAS kerja ini dibentangkan oleh Awang Haji Metussin bin Omar, Pengarah Muzium-Muzium di Kongres Agung Pertama Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara.***

Pengenalan

BERIKAN aku 1,000 orang tua, aku tidak akan berbuat apa-apa. Berikan aku 10 orang pemuda, aku bisa menggoncang dunia." Demikian lebih kurang kata-kata yang pernah diucapkan oleh seorang pemimpin Asia.

Kata-kata itu menggambarkan betapa berpengaruh, kuat dan pentingnya peranan pemuda atau belia dalam membentuk keadaan, merangsang perkembangan dan menentukan nasib sesuatu bangsa atau negara. Hal itu memang tidak dapat dinafikan kerana dalam kebanyakan negara, termasuk negara kita sendiri, golongan muda atau belia mempunyai jumlah yang "significant" daripada jumlah seluruh penduduk. Ini diperkuat pula oleh fakta bahawa golongan belia adalah yang memiliki potensi yang besar bagi membina dan melahirkan masyarakat yang maju dan sejahtera. Juga golongan muda adalah bakal pengganti generasi sekarang dan pemimpin masyarakat atau negara di masa hadapan. Tidaklah keterlaluan jika saya katakan bahawa apa juga tindak-tanduk golongan belia dapat memberi kesan terhadap suasana dan keadaan dalam sesuatu masyarakat atau negara itu.

Dalam tulisan ini apa yang saya maksudkan dengan belia ialah anggota masyarakat baik lelaki mahupun perempuan yang telah menjangkau usia 17 tahun.

Masyarakat pula saya ertikan sebagai sebarang kumpulan manusia yang hidup dan bekerja bersama-sama sebegitu lama sehingga mereka menjadi tersusun dan menganggap diri mereka sebagai satu unit sosial dengan batasan-batasan yang begitu jelas. Dalam masyarakat terdapat institusi-institusi kekeluargaan, agama, kerajaan, ekonomi dan pelajaran. Walaupun masyarakat itu suatu yang abstrek, ianya boleh diibaratkan sebagai tubuh badan manusia. Jika tubuh badan itu dimasuki kuman, maka ia akan menerima kesan yang negatif. Demikianlah halnya dengan masyarakat jika sebahagian daripada anggotanya, misalnya golongan belia telah dihinggapi oleh gejala tidak sihat, maka sudah tentu akan mendatangkan kesan negatif kepada kesejahteraan seluruh masyarakat berkenaan. Dari itu tubuh badan (masyarakat) perlu dijaga dari serangan kuman (gejala tidak baik) dan memerlukan zat-zat vitamin (unsur-unsur positif) yang dapat menyihatkan tubuh badan (masyarakat) itu.

Golongan belia selaku batu asas dalam masyarakat, serta pewaris generasi dan pemimpin masa hadapan, mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam mencipta dan membina masyarakat yang sempurna.

**Apa dia masyarakat yang sempurna?**

Menurut Kamus Dewan, "sempurna" bererti tidak ada cacat celanya; lengkap; tidak ada yang kurang; baik lagi teratur; baik sekali; sesuai.

Apabila perkataan "sempurna" itu digunakan dalam konteks masyarakat maka ia memberi pengertian masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang sangat baik, lengkap, teratur, teguh dan padu dari segi fizikal dan spiritual, yang dijelmakan melalui institusi-institusi sosial.

Tetapi perkataan "sempurna" itu mempunyai unsur relatif. Pada satu pihak mungkin sesuatu fenomena atau kebiasaan yang dilakukan dalam masyarakat itu dipandang baik dan boleh diterima; tetapi pada pihak yang lain mungkin itu bukan yang baik atau yang boleh diterima. Contohnya, ada beberapa perkara, kegiatan atau amalan yang dianggap oleh umat lain (yang menganggotai masyarakat yang sama) sebagai yang boleh diterima, tidak salah, malahan sah; tetapi tidak dapat kita terima, salah dan bertentangan dengan pandangan dan hukum agama kita. Misalnya, pesta amal atau apa juga pesta yang melibatkan aktiviti dan pergaulan lelaki dan perempuan-perempuan yang bukan muhrimnya begitu bebas dan tanpa batasan. Mungkin pada suatu pihak pesta itu bertujuan baik, iaitu bagi mengutip derma, merapatkan hubungan sosial, memberi peluang untuk berkenalan dengan orang-orang belum pernah ditemui, memperolehi kontek dengan orang-orang tertentu, menemukan kembali rakan-rakan atau kenalan-kenalan lama yang jarang dijumpai atau dihubungi dan sebagainya; tetapi dari pandangan agama kita, cara tujuan-tujuan itu dicapai adalah salah. Memang benar pesta itu berjalan dengan aman dan teratur tetapi tanpa kita sedari ia merupakan pencemaran ke atas moral masyarakat kita serta perlanggaran terhadap ajaran agama dan tatasusila budaya kita. Dalam tulisan ini apa yang saya maksudkan sebagai "sempurna" ialah yang bersifat positif dan tidak bertentangan dengan pandangan Islam.

Apakah ada masyarakat yang benar-benar disebut sempurna dari segi fizikal dan spiritual itu? Jawapan kepada soalan ini juga relatif, dan dalam beberapa hal kita sering menemui ketidakseimbangan dalam kedua aspek itu. Tapi itu tidak pula bererti kesempurnaan atau keseimbangan itu sama sekali tidak dapat dicapai, cuma mengambil waktu yang agak lama, memerlukan kesabaran dan menghendaki pengorbanan dari segi kepentingan peribadi, perasaan serta material. Masyarakat yang sempurna itu adalah amat luas pengertian dan skopnya dan tidaklah dapat disentuh secara meluas dalam halaman yang terbatas ini. Bagi pengertian umum dapatlah dirangkum atau disimpulkan ciri-ciri kesempurnaan itu dalam beberapa bahagian. Antara lain masyarakat yang sempurna ialah :

a. Masyarakat yang berdisiplin, mematuhi undang-undang, bermoral tinggi secara takwa kepada Allah.

b. Masyarakat yang bersatu-padu dan tolong-menolong.

c. Masyarakat yang patriotik dan sedar akan tanggungjawab terhadap negara.

d. Masyarakat yang menikmati taraf kehidupan dan kedudukan sosio-ekonomi yang tinggi dan mantap.

e. Masyarakat yang berilmu dan terdidik.

f. Masyarakat yang cintakan keamanan serta mempunyai kestabilan politik atau pemerintahan.

Apakah unsur-unsur yang disebutkan itu sudah kita miliki? Jika sudah, setakat mana pencapaian kita, dan jika belum tercapai sepenuhnya bagaimana golongan belia dapat membantu atau memenuhi objektif tersebut. Hal ini akan dibincangkan dalam halaman berikutnya.

**Sumbangan belia dalam membina masyarakat yang sempurna**

Sebagai golongan yang "significant" jumlahnya serta memiliki potensi, belia dapat mencorakkan atau menentukan nasib masyarakatnya. Mereka adalah ejen kemajuan dan perubahan serta contoh kepada anggota masyarakat yang lain. Dari itu golongan belia hendaklah memiliki dan memperkenalkan nilai-nilai baik kepada masyarakat. Antara sumbangan-sumbangan yang boleh mereka berikan bagi membina masyarakat yang sempurna adalah :-

**1. Memupuk semangat berdisiplin dan mematuhi undang-undang**

Perkara ini sangat penting terutama dalam masyarakat kita yang sedang mengalami perubahan dan terdedah kepada pengaruh kehidupan moden dan perbandaran yang pesat. Akibat daripada pengaruh itu terdapat tingkat kemewahan, pelajaran dan pencapaian ekonomi yang berbeza atau tidak seimbang. Pada kebiasaannya golongan yang kurang bernasib baik dari segi pencapaian ekonomi atau pelajaran serta kurang berpendidikan agama akan mudah terdorong untuk melakukan tindakan anti-sosial seperti merosakkan kemudahan-kemudahan awam, menconteng bangunan-bangunan awam, melakukan kegiatan-kegiatan jenayah seperti mencuri, memecah rumah, merompak, memeras ugut, menipu, merogol atau melanggar peraturan dan undang-undang negara. Perbuatan negatif ini dilakukan sama ada atas desakan ekonomi, iaitu mahu menyara hidup yang lebih senang dan mewah, mahu melepaskan kekecewaan dan kemarahan, mahu menunjukkan kejaguhan, mahu menyakitkan hati, atau melakukannya tanpa sebarang sebab, sekadar terikut-ikut atau mungkin juga menjadi hobi.

Daripada media-massa kita difahamkan bahawa perbuatan jenayah atau melanggar undang-undang adalah begitu kerap dilakukan dan kadarnya kian meningkat. Jika kita rujuk kepada perangkaan jenayah yang dikeluarkan oleh Jabatan Polis Diraja Brunei (iaitu menurut apa yang dilaporkan kepada pihak polis), bilangan kejadian jenayah yang berlaku dalam tahun 1979 — 1985 adalah seperti berikut:-

| Tahun | Bilangan kejadian |
|---|---|
| 1979 | 8,834 |
| 1980 | 9,855 |
| 1981 | 13,593 |
| 1982 | 16,022 |
| 1983 | 16,990 |
| 1984 | 19,400 |
| 1985 | 44,886 |

Jenayah yang dilakukan adalah berjenis-jenis dan dapat digolongkan kepada perlanggaran undang-undang lalulintas, jenayah terhadap pihak berwajib, moral awam, orang perseorangan, harta benda, penyalahgunaan dadah dan perlanggaran terhadap undang-undang negara yang lain.

Angka yang diberikan itu bukanlah menggambarkan kejadian biasa atau tidak bererti, tetapi merupakan kejadian yang serius dan cukup mencemaskan. Ia juga memberi gambaran tentang kurangnya rasa hormat dan patuh terhadap disiplin dan undang-undang di kalangan sebahagian daripada masyarakat kita.

Saya tidak mempunyai statistik umur bagi golongan yang melakukan jenayah, tetapi seperti yang kita ketahui daripada media-media, sebahagian besar daripada mereka ialah dari golongan muda atau belia.

Golongan belia yang sedar dan bertanggungjawab terhadap masyarakat semestinya merasa rungsing dengan keadaan ini. Mereka harus 'ingau' terhadap apa jua yang melanda masyarakat dalam mana mereka hidup. Sebagai golongan contoh, golongan belia hendaklah membantu pihak berwajib dalam mengurangkan pebuatan-perubatan jenayah dan melanggar undang-undang negara serta menolong membina masyarakat yang berdisiplin. Golongan belia adalah pengawal masyarakat. Mereka bertanggungjawab dalam menyelamatkan masyarakat dari menuju kehancuran. Angka yang dikemukakan tadi hanyalah bagi kejadian-kejadian jenayah yang dilaporkan, dan tidak termasuk kejadian-kejadian yang tidak dilaporkan yang mungkin banyak. Andainya masyarakat kita dibanjiri oleh golongan anarkis, yang tidak berbudi bahasa, golongan perosak, maka ketertiban dan keamanan negara akan terjejas.

Bagi golongan belia yang sudah berkeluarga, mereka dapat memupuk disiplin dan nilai-nilai menghormati peraturan dan undang-undang di kalangan anak-anak mereka sejak dari rumah lagi seperti memberi asuhan, teguran, nasihat dan kawalan yang berkesan. Tidaklah dapat diletakkan bulat-bulat tugas mengajar dan mendidik itu kepada pihak sekolah. Ibu bapa harus peka akan setiap tindak-tanduk dan pergerakan anak-anak mereka awal-awal lagi, kerana tidak ada gunanya menyesali nasi yang sudah jadi bubur.

**2. Menanamkan rasa takwa kepada Allah serta membentuk moral yang tinggi.**

Masyarakat kita kini pesat membangun. Beberapa unsur kemajuan dari negara-negara yang telah maju kita pindahkan ke dalam masyarakat kita seperti ilmu pengetahuan, kepakaran sains dan teknologi serta etika kerja masyarakat-masyarakat yang maju itu sendiri. Banyak faedah yang kita nikmati daripada pemindahan itu terutama dalam pembangunan fizikal. Perkembangan itu sedikit sebanyak memberi kesan atau mengubah cara hidup dan sistem nilai masyarakat kita. Jika dahulu tenaga lebih memainkan peranan utama dalam memberi dan menerima pertolongan di kalangan masyarakat, tetapi kini wang dan harta benda memegang teraju utama. Bukanlah salah untuk mengutamakan kemewahan harta benda, tetapi ianya hendaklah diimbangi oleh unsur spiritual, iaitu ketakwaan kepada yang Maha Pencipta dan Pemberi, mensyukuri rahmat-Nya, serta jangan sampai kemewahan fizikal itu menjejaskan keimanan dan tatasusila masyarakat kita. Tidak dinafikan bahawa kita



SEBAHAGIAN daripada perwakilan, peserta dan pemerhati yang menghadiri Kongres Agung Pertama Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Lihat muka 12

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## RABU 13 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ADVENTURES OF LITTLE KOALA
- 5.00 A WHOLE WORLD OF CHILDREN
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "One Of The Guys"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW
- 6.20 PLANTS FOR FREE: "Division" Bhg. I
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.30 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.40 PLANTS FOR FREE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 FAMILY TIES: "Beauty And The Beast"
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 FAMILY TIES — sambungan
- 8.05 RAGS TO RICHES: "Business Is Business" Marva cuba menjadi seorang pengusaha dan membeli sebuah trak. Nick tak setuju gadis-gadis itu bergabung dan akhirnya ia menyumbangkan kemahirannya untuk menyelamatkan mereka dari ditipu bekas pemilik trak tersebut.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 TOP OF THE POPS
- 10.30 THAT'S MY BOY: "The Phantom Of The Farmyard"
- 11.00 DYNASTY: "The Siege" Bhg. II
- 11.55 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS 14 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DANGER BAY
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DANGER BAY — sambungan
- 6.00 CHEMISTRY IN ACTION
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.30 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.40 SUPERGRAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 THE CHARMINGS
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 THE CHARMINGS — sambungan
- 8.05 HUNTER: "True Confessions" Hunter dan McCall mencari seorang perempuan yang ingin membalas dendam, yang disyaki membunuh dua orang lelaki yang terlibat dalam kematian saudara perempuannya yang yang berkaitan dengan dadah.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 DEMPSEY AND MAKEPEACE
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Seven Percent Solution"
- 12.50 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT 15 Jan.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.10 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT

PETANG

- 1.00 EARTH
- 1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS
- 2.15 SUKAN DUNIA
- 3.15 MASK: "For Shining Moment"
- 3.40 AL-KISAH: "Si Hidung Panjang"
- 3.53 AZAN ASAR
- 4.00 CAREBEARS: "The Great Race"
- 4.25 PROJECT U.F.O.
- 5.15 BITS AND PIECES
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THREE UP TWO DOWN: "I'll Met By Candlelight" (Ep'sod akhir)
- 6.15 THE MAKING OF — "The Bounty"
- 6.26 AZAN MAGHRIB
- 6.31 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.40 THE MAKING OF — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 REKASENI
- 7.40 AZAN ISYAK
- 7.45 REKASENI — sambungan
- 8.05 INSIDE STORY
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 DOKUMENTARI JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN: "Bahagian Latihan Dan Bimbingan Orang-Orang Cacat"
- 10.20 FALCON CREST: "Nowhere To Run"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU 16 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 WORLD OF SURVIVAL: "The Halcyon Bird"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TOGETHER WE STAND: "Betrothal"
- 6.26 AZAN MAGHRIB
- 6.31 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.41 MY LITTLE PONY AND FRIENDS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 PERFECT STRANGERS: "Hello Baby"
- 7.40 AZAN ISYAK
- 7.45 PERFECT STRANGERS — sambungan
- 8.05 THE FLYING DOCTORS: "Will To Survive" (Siri baru) Doktor Tom Callaghan dipanggil untuk menyelamatkan seorang pesakit yang perlu dibedah dan yang telah hilang kemahuan untuk hidup. Sementara itu Chris Randall mengejutkan penduduk bandar kerana ia dapati seorang perempuan dan Chris juga terpaksa melakukan pembedahan ke atas pesakit pertamanya.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Bunga-bunga Perkahwinan"
- 10.55 HIBURAN TEMPATAN: PERSEMBAHAN PANCARAGAM
- 11.55 THE EVIL TOUCH
- 12.50 SIARAN TAMAT.

## AHAD 17 Jan.

PAGI

- 9.00 PEMBUKAAN
- 9.02 AL-QURAN
- 9.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 9.15 MICKEY AND DONALD: "Moose Hunters"
- 9.40 GALTAR AND THE GOLDEN LANCE
- 10.00 RAMPAI PAGI
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR: "Dr. Scorpio" Cresus mengancam keamanan dunia dengan satu rancangan yang mengejutkan melibatkan pencurian missile atomik dari A.S. dan hanya seorang lelaki yang menghalangnya. John Shackelford dipercayai dapat melakukan tugas itu.

TENGAH HARI

- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 12.32 AZAN ZUHUR
- 12.37 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 12.50 MUSICAL: VARIETE VARIETE

PETANG

- 1.40 BIG LEAGUE SOCCER
- 2.40 TAYANGAN GAMBAR: "The Octagon" Dengan bantuan Aura, James yang dirangsang oleh rasa dendamnya atas kematian temanitanya dan kedua orang tuanya cuba menghentikan penganas-penganas antarabangsa yang menggelar diri mereka The Octagon.
- 3.53 AZAN ASAR
- 3.58 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 4.15 SILVERHAWKS: "Limbo Gold Rush"
- 4.45 GILLETE WORLD OF SPORTS SPECIAL
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GILLETTE WORLD OF SPORTS SPECIAL — sambungan
- 5.55 CENTURIONS: "Hole In The Ocean" Bhg I
- 6.20 ONE BIG FAMILY: "Kate's Date"
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.42 ONE BIG FAMILY — sambungan
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DADS: "Why Algebra"
- 7.40 AZAN ISYAK
- 7.45 DADS — sambungan
- 8.05 HOUSTON KNIGHTS: "Single In Heaven"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIBURAN MINGGU INI
- 10.15 STRONG MEDICINE
- 11.05 THE HITCH HIKER: "Murderous Feelings"
- 12.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN 18 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE ALPHABET GAMES
- 4.55 ONCE UPON A TIME . . . MAN: "The Ace Of Pericles"
- 5.20 BEYOND 2000
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 BEYOND 2000 — sambungan
- 6.20 MOON JUMPER: "Horses For Courses"
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.42 MOON JUMPER — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DIFFERENT STROKES: "It's My Party And I'll Cry If I Want To"
- 7.41 AZAN ISYAK
- 7.46 DIFFERENT STROKES — sambungan
- 8.05 T. J. HOOKER: "Death In A Four Letter Word"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 SUPERSTAR OF WRESTLING
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR "Perry Mason: The Case Of The Lost Love"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

## SELASA 19 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SEABERT
- 4.40 THE ELECTRIC COMPANY (Siri baru)
- 5.10 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "The Medicine Wagon"
- 5.35 KONSERT SEKOLAH-SEKOLAH
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 KONSERT SEKOLAH-SEKOLAH — sambungan
- 6.20 THE NEW ADVENTURES OF BEAN BAXTER
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.32 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.42 THE NEW ADVENTURES FO BEAN BAXTER — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 MARI MEMASAK "Daging Panggang Berinti Dan Roti Gula Merah" (Resipi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
- 7.41 AZAN ISYAK
- 7.46 MARI MEMASAK — sambungan
- 8.05 AIRWOLF: "Rouge Warriors" Dalam siri minggu ini Airwolf akan cuba menghalang seorang pengintip dari melarikan diri bersama rahsia-rahsia yang sangat penting.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 9.45 ARENA SUKAN
- 10.45 FLOODTIDE: "Observations"
- 11.45 SIARAN TAMAT.




**SEBUAH siri baru "THE FLYING DOCTORS" yang akan memulakan episod pertamanya pada hari Sabtu 16 Januari 1988 kira-kira jam 8.05 malam.**

Dari muka 9

merasa senang dan selesa daripada kemajuan sains dan teknologi. Tetapi dalam beberapa hal masyarakat kita selalu lupa daratan, tidak bersyukur, mudah menyerah kepada runtunan hawa nafsu, tamak dan kerap salah pertimbangan antara yang patut dipegang dengan yang patut dihindari. Kelemahan setengah-setengah golongan masyarakat kita ialah lebih mengutamakan keuntungan dan kenikmatan material daripada segala-galanya, mahukan yang enak semata-mata, ingin menyenangkan hati golongan lain daripada menegakkan prinsip sendiri, tidak mahu dikatakan ketinggalan zaman atau tidak tahu menyesuaikan diri dengan keadaan dan tempat. Pandangan yang demikianlah yang diwarisi oleh anak-anak kita, generasi kita, malah masyarakat kita; iaitu pandangan yang meringan-ringankan ajaran agama, nilai-nilai budaya dan cara hidup yang kita hargai dan sanjung selama ini.

Agama kita mahukan umatnya bermoral dan mempunyai tingkat kerohanian yang tinggi. Kesempurnaan fizikal (material) tidaklah lengkap dan kukuh tanpa mempunyai asas kerohanian dan moral yang tinggi. Negara kita tidak mampu menanggung masyarakat yang mewah kebendaan semata-mata tetapi rosak akhlaknya, kosong jiwanya dan tidak taat kepada perintah agama. Masyarakat kita akan hilang kewibawaan jika semakin ramai belia-belia kita tidak lagi berbudi pekerti, menagih dadah, pemabuk, berkeliaran di kompleks-kompleks membeli-belah tanpa tujuan tertentu. Kita mahu masyarakat kita bukan sahaja mewah tetapi bertakwa kepada Allah. Kita mahu belia-belia kita bermesra dengan majlis-majlis keagamaan bukan asyik tenggelam dalam muzik rock yang panas. Belia-belia kita memerlukan benteng kebal bagi mengawal diri mereka daripada unsur negatif. Apakah dia benteng kebal itu? Ia adalah keimanan, moral dan tingkat kerohanian yang tinggi. Belia yang bermoral tinggi adalah "asset" berharga bagi membina masyarakat yang bersih dan sempurna. Dari itu belia-belia kita harus menyebarkan nilai-nilai baik dan mulia itu kepada seluruh anggota masyarakat kita.

**3. Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan saling bantu-membantu.**

Masyarakat yang bersatu padu adalah masyarakat yang kuat. Bagi membina masyarakat yang bersatu padu, perlu ada ikatan atau jalinan perasaan antara anggota dalam masyarakat itu, iaitu perasaan kesatuan atau kesedaran kumpulan (esprit de corps) dan rasa persaudaraan yang antara lain dijelmakan malalui semangat bergotong-royong dan bekerjasama.

Dalam masyarakat kita semangat bersatu padu dan saling bantu-membantu tidaklah begitu sukar untuk dicapai kerana ia adalah merupakan salah satu cara kehidupan orang-orang kita, tambahan pula masyarakat kita mempunyai sistem kekeluargaan yang lebih luas dan rapat. Contohnya ialah hubungan antara orang yang tinggal di bandar dengan orang yang tinggal di desa yang mempunyai ikatan kekeluargaan atau persaudaraan. Walaupun orang-orang di bandar dapat memenuhi kehendak dan keperluan mereka dengan mudah di bandar, akan tetapi dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang memerlukan kemeriahan dan keramaian mereka masih memerlukan kehadiran malah bantuan tenaga dari saudara-mara di kampung kerana sifat masyarakat kita ialah suka beramai-ramai, memucang-mucang, tidak camah mata, tidak berat tulang serta memeduli dan sikap demikian susah untuk ditinggalkan.

Tetapi masyarakat sentiasa berubah. Anasir-anasir yang dibawa oleh proses perbandaran yang mengutamakan materialisma sedikit demi sedikit melahirkan cara kehidupan yang individualistik, dan menimbulkan masyarakat "malas tah kuingau". Individualisem adalah tidak sesuai dengan sistem kemasyarakatan kita yang begitu menghargai sifat silaturahim, masyuwarah dan memeduli kebajikan umum. Dari itu golongan belia kita harus mempertahankan sistem kemasyarakatan kita yang berasaskan perpaduan dan saling tolong-menolong — berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Mereka hendaklah merapatkan jurang generasi dan sosial dengan menggalakkan sistem memucang-mucang, saling kunjung-mengunjungi, bermuafakat, bermasyuwarah dan berpegang kepada norma-norma lain dalam masyarakat baik di kala suka mahupun duka.



PENGIRAN Badaruddin bin Pengiran Ghani, Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Brunei (MBB) dua dari kiri ketika menghadiri Kongres Pertama Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

# BELIA SEBAGAI PEMBINA MASYARAKAT YANG SEMPURNA

**4. Menanamkan kesedaran bernegara dan semangat cintakan tanahair**

Faktor ini penting kerana ia meliputi perkara disiplin, menghormati dan menjunjung adat istiadat dan budaya, menghormati undang-undang serta tanggungjawab kepada negara. Kita harus mengakui bahawa di negara kita kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kurangnya disiplin dan moral telah mulai kelihatan sekarang. Satu contoh yang jelas ialah masalah pengyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia kita yang kini menjelma sebagai masalah yang membimbangkan. Apa yang membimbangkan ialah kegiatan mengedar dadah itu telah menjadi kegiatan yang tersusun, dan dapat mencabar kewibawaan pihak berkuasa serta memporak-perandakan masyarakat. Tetapi pada umumnya kegiatan-kegiatan yang mencemari setengah-setengah belia kita itu adalah yang diimport dan boleh dikurangkan jika golongan belia kita yang terlibat bersedia bekerjasama dan membantu pihak berkuasa. Di sinilah perlunya kesedaran bernegara dan tanggungjawab bagi menyelesaikan atau mengatasi sesuatu masalah tidak sepatutnya diletakkan kepada pihak berkuasa seluruhnya. Golongan belia yang sedar akan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan negara hendaklah menasihati dan memberi contoh yang baik kepada belia yang terjebak dalam lembah yang merugikan masyarakat, mengajak mereka kembali ke pangkal jalan dan menolong mereka kembali ke pangkuan masyarakat yang sihat, sempurna dan sejahtera.

Menjunjung dan menghormati serta memahami adat istiadat dan budaya kita dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin dan berbudi pekerti. Menghargai dan menghormati amalan-amalan dan institusi-institusi sosial dapat menimbulkan "consensus" daripada konflik dalam masyarakat. Generasi muda akan memahami mengapa sesuatu amalan itu dilakukan, apa tujuannya, bagaimana ianya dilakukan, mengapa dilakukan begitu. Daripada pengertian itu akan timbul rasa cinta kepada adat istiadat, budaya dan norma-norma yang wujud dalam masyarakat. Apabila anggota masyarakat menjunjung dan menghormati adat istiadat dan budaya maka itu bermakna anggota masyarakat menjunjung disiplin kerana adat istiadat adalah merupakan peraturan atau amalan yang "tidak bertulis".

Selain dari itu semangat patriotisma perlu ada dalam jiwa setiap anggota masyarakat, terutama golongan belia yang sedar kepada keperluan bernegara. Semangat cintakan tanahair itu dapat dijelmakan melalui beberapa bentuk, seperti:

i) Menghormati, menjaga dan mendukung kepentingan negara dari sebarang ancaman atau penghinaan.
ii) Sanggup dan bersedia berkorban demi untuk keselamatan dan "survival" bangsa dan tanahair.
iii) Mengutamakan kepentingan negara daripada yang lain.
iv) Taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara.
v) Mengharum dan menjaga nama baik negara.
vi) Semangat untuk membangun, memaju dan memakmurkan negara.

Jika semangat patriotisma itu disemai dan subur dalam jiwa golongan muda dan belia kita, maka masyarakat dan negara akan menjadi maju, kuat, padu, makmur dan disegani. Golongan belia kita hendaklah sentiasa memegang falsafah bahawa ini ialah negaraku dan aku mesti berbakti untuknya.

**5) Membantu membina masyarakat yang tinggi taraf kehidupan serta kukuh kedudukan sosio-ekonominya.**

Potensi yang ada pada belia, semangat dan bilangan mereka yang begitu "significant" dapat membantu dalam membina dan mewujudkan taraf kehidupan yang baik serta sosio-ekonomi yang mantap sesuatu masyarakat, iaitu antara dua ciri yang penting bagi kesempurnaan masyarakat. Andainya faktor-faktor itu terjejas, maka ia akan mempengaruhi ketertiban, keharmonian dan keselamatan sesuatu masyarakat atau negara. Pengalaman dari negara-negara lain menunjukkan bahawa taraf kehidupan yang rendah, kedudukan sosio-ekonomi penduduk yang tidak mantap boleh menyebabkan penderitaan, menimbulkan masalah-masalah sosial yang meruncing, menjejaskan kesihatan awam, menimbulkan tindakan-tindakan industri, demonstrasi dan jenis-jenis tindakan lain yang boleh mengancam kestabilan sosial dan politik sesuatu negara.

Di negara kita secara umumnya penduduk negara ini mempunyai taraf kehidupan yang baik dan kedudukan sosio-ekonomi yang mantap. Misalnya masyarakat kita mempunyai pendapatan yang sangat baik jika dibandingkan dengan masyarakat di setengah-setengah negara lain; mempunyai perumahan yang baik dan selesa; menikmati kemudahan awam yang baik dan mencukupi, mempunyai suasana dan alam sekitar hidup yang bersih, selesa dan aman, tidak mengalami masalah pengangguran dalam erti kata yang sebenarnya, mempunyai makanan yang mencukupi dan menyebabkan kehidupan masyarakat kita selesa, bahagia, serta berpuas hati dan menghargai apa yang mereka miliki atau yang diberikan kepada mereka. Apabila masyarakat senang dan kedudukan sosio-ekonomi mereka mantap, maka negara akan terjamin keutuhannya, masyarakat akan dapat melaksanakan tugas atau kegiatan mereka dengan lebih baik dan produktif termasuk beramal.

Tetapi di samping masyarakat kita menikmati taraf kehidupan yang baik dan kedudukan sosio-ekonomi yang mantap, kita masih perlu memperteguhkan kedudukan itu lagi serta memperbaiki lagi keadaan yang ada agar apa yang dicapai akan berterusan dinikmati dalam keadaan apa sekalipun. Jika taraf hidup atau tingkat sosio-ekonomi yang kita nikmati sekarang belum tahan diuji, yakni mudah terjejas apabila menerima atau mengalami kesan dari luar, maka ini bererti kita belum sampai kepada tingkat kesempurnaan yang sebenarnya. Itu bermakna kemantapan sosio-ekonomi kita masih bergantung sebahagian besarnya kepada pengaruh atau faktor-faktor luar. Dari itu kita harus mengambil langkah supaya dapat mengawal dan mempertahankan malah mempertingkatkan lagi kedudukan sosio-ekonomi masyarakat kita betapa pun andainya timbul keadaan dan iklim yang kurang sihat di luar batas wilayah kita. Penduduk negara kita khususnya belia boleh membantu pihak kerajaan dalam mencapai objektif itu dengan langkah-langkah tertentu seperti:

* Berdikari dalam berbagai sumber terutama tenaga, perkhidmatan, bahan-bahan keperluan dan faktor-faktor pengeluaran. Belia-belia kita hendaklah bersedia bagi memberikan sumber tenaga dalam pengeluaran dan pembangunan yang masih diperlukan. Mereka tidak seharusnya memilih pekerjaan, tetapi mengisikan apa jua keperluan tenaga perburuhan yang sesuai dengan kelulusan dan kebolehan yang ada pada mereka. Dengan cara demikian keperluan tenaga buruh yang kita perlukan akan dapat dipenuhi dan keperluan bagi mendapatkan tenaga buruh daripada luar negeri akan dapat kita kurangkan kalaupun tidak dapat dihentikan sama sekali (disebabkan bilangan penduduk kita yang masih kecil). Apabila negara kita dapat mengurangkan keperluan untuk mendatangkan tenaga buruh biasa daripada luar negeri, maka kita dapat membentuk negara dalam mengawal pengaliran kewangan kita keluar negeri.

Banyak kerja pengeluaran yang dapat dilakukan oleh golongan belia kita jika mereka tidak terlalu memilih pekerjaan. Setengah daripada pekerjaan itu sebenarnya tidak memerlukan kelulusan yang terlalu tinggi, cuma memerlukan tenaga yang lebih, kerajinan, semangat dan minat yang kuat, seperti bertani, berternak, menangkap ikan, bertukang, berniaga dan sebagainya. Jika golongan belia kita dapat memenuhi kekurangan-kekurangan itu, insya-Allah kita tidak akan sentiasa bergantung bagi semua bahan-bahan keperluan daripada luar kerana kita boleh mengeluarkannya bagi keperluan kita sendiri.

Bersambung minggu depan

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEGAWAI PELAJARAN : (Bilangan Kod : 059 13–111)

**Tanggagaji**: B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

A. BAHASA INGGERIS

**Kelayakan :**

a) Umur 40 tahun hingga 55 tahun.
b) Ijazah dalam jurusan Bahasa Inggeris serta mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar.
c) Teaching English as a Foreign Language (TEFL) atau Diploma dalam pengajaran Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a. Akan bertugas di Sekolah Pengajian dan mengajar Askar Muda dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi peperiksaan Brunei Cambridge di Peringkat Biasa (Ordinary) atau Lanjutan (Advanced).
b. Bertanggungjawab dalam menyediakan askar-askar di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran tempatan atau luar negeri.

B. ILMU HISAB :

**Kelayakan :**

a) Umur 40 tahun hingga 55 tahun.
b) Ijazah dalam bidang Ilmu Hisab yang diperolehi dari universiti-universiti ataupun institusi-institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Brunei Darussalam.
c) Diploma mengajar yang diakui dan berkebolehan mengajar mata pelajaran Ilmu Hisab di Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
d) Berpengalaman mengajar di Sekolah Menengah tidak kurang dari lima tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a. Akan bertugas di Sekolah Pengajian dan mengajar Askar Muda dalam mata pelajaran Ilmu Hisab bagi peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
b. Bertanggungjawab dalam menyediakan askar-askar di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran tempatan atau luar negeri.

2) JURULATIH KEMAHIRAN PRAKTIKAL — KAPTEN : (Bilangan Kod : 059 13–288)

**Tanggagaji :** B. 2 — 2270-$3760 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Umur 40 tahun hingga 55 tahun.
b) Ijazah dalam bidang Lukisan Geometrical Pertukang Kayu yang diperolehi dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan.
c) Kelayakan dalam bidang mengajar dan berkebolehan mengajar dalam mata pelajaran Lukisan Geometrikal dan Pertukangan Kayu di Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
d) Berpengalaman mengajar mata pelajaran Lukisan Geometrical dan pertukangan kayu tidak kurang dari lima tahun.

**Tugas-tugas :**

a) Akan bertugas di Sekolah Pengajian dan mengajar Askar Muda dalam mata pelajaran Lukisan Geometrikal dan Pertukangan Kayu bagi peperiksaan Brunei Cambridge di Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
b) Bertanggungjawab dalam menyediakan askar-askar di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran tempatan atau luar negeri.

3) JURULATIH PENERBANGAN — KAPTEN :

(Bilangan Kod : 059 04–102)

**Tanggagaji :** B. 2 EB.3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan :**

a) 2000 jam penerbangan serta 500 jam mengajar dan berkelayakan penerbangan Diraja British (RBF) BI atau yang sebanding dengannya, tetapi A2 adalah diberi keutamaan.
b) Pemohon mestilah berumur tidak kurang 35 tahun dan tidak melebihi 45 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Jurulatih Penerbangan berkelayakan yang berpengalaman dikehendaki untuk membuat Latihan Penerbangan Asas Tentera bagi pesawat Siai Marchetti SF 260. Pelatih-pelatih pada masa ini menjalani latihan lanjut pesawat helikopter. Sebagai Jurulatih Penerbangan yang berkelayakan, latarbelakang dan pengalaman luas dalam pengendalian dan mengajar, terutamanya Pesawat Jet Pejuang atau Pesawat Peninjau Enjin Kembar adalah merupakan satu kelebihan.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, binus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus dadipaa gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Februari, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 151/1987

( E/1373/87 )

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :

(Bilangan Kod : 056 39–143)
(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama lima tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

b) Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab atau Penyelenggaraan Stor atau pembelian barang-barang akan diberi keutamaan.
c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT I :

(Bilangan Kod : 022 98–163)
(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji :** F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.
b) Telah berkhidmat sebagai Pemandu Outboard Tingkat II tidak kurang dari tiga tahun.
c) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan penglihatan yang baik serta lulus peperiksaan mata. Hendaklah pandai berenang.
d) Boleh membaiki kerosakan yang kecil ke atas motor sangkut adalah merupakan satu kelebihan.

3. PEMANDU MOTOR SANGKUT :

(Bilangan Kod : 026 98–158)
(Di Jabatan Daerah Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

**Tanggagaji :** F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas.
b) Lulus Darjah IV dan boleh menulis dan membaca.
c) Keutamaan akan diberi bagi pemohon-pemohon yang berpengalaman dalam menjalankan motor sangkut dan juga boleh membaiki kerosakan-kerosakan yang kecil.
d) Mempunyai badan sihat dan tegap, dan penglihatan yang baik dengan lulus peperiksaan mata.
e) Boleh berenang tidak kurang 220 ela dengan cara bebas.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 11 Februari, 1988.
Bilangan Pendaftaran : 159/1987.
( E/70/72 )

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PENGUASA KOLAM RENANG :

( Bilangan Kod :
098 70 — 129).
( Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

**Tanggagaji :** C. 1 EB. 2 — $1280-$1930 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur 25 tahun ke atas.
b) i) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta 3 tahun pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan.

ATAU

ii) 2 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 5 tahun.

c) 'Bronze Medallion of Royal Life Saving Society, London.'
d) R.L.S.S. Teacher's Certificate United Kingdom.'
e) Approved Examiner Certificate (Personal Survival) A.S.A., United Kingdom.
f) Tubuh badan yang sesuai dan seorang perenang yang baik.
g) Berpengalaman dalam bidang menyampur kimia dan rawatan air, pembaikan jentera dan sebagainya.

2. PELUKIS TINGKAT KHAS :

( Bilangan Kod :
056 16 — 134).
( Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan).

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Higher National Diploma dalam bidang Senilukis, Senigrafik atau Design yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Telah dan sedang berkhidmat dengan kerajaan di Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun dan berpengalaman dalam kerja-kerja Senilukis, Senigrafik atau design ilustrasi buku atau majalah.

b) Pemohon-pemohon dikehendaki menunjukkan folio kerja-kerja yang pernah dibuatnya sebagai bukti pengalaman atau bukti minat.
c) Berpengalaman di bidang penerbitan adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Mengetuai beberapa cawangan dalam bahagian.
b) Menyelia pegawai dan kakitangan bawahan serta mengawas harta benda.
c) Membantu Ketua Bahagian dalam mentadbir dan menyelaraskan kerja-kerja senilukis.
d) Melukis ilustrasi dan senigrafik yang berkreatif untuk buku dan lain-lain.
e) Membantu menyediakan laporan tahunan dan anggaran perbelanjaan Bahagian Senilukis.
f) Menerima serta menjalankan tugas yang diarahkan semasa ketiadaan Ketua Bahagian.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup 11 Februari. 1988.

( Bilangan Pendaftaran : 162/1987 ).

( E/1839/77 ).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU MAKMAL :

( Bilangan Kod :

084 05 — 437 ).

( Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ).

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Satu (1) mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
b) Berpengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Makmal seperti Microbiology atau kimia atau Teknologi Konkrit atau tanah.

2. OPERETOR TELEPRINTER :

( Bilangan Kod :

009 32 — 152 ).

( Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri ).

**Tanggagaji :** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) 1 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
b) Mempunyai Sijil Menaip adalah merupakan satu kelebihan
c) Boleh bertuttur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

a) Bertanggungjawab untuk mempastikan mesin teleks di Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa berjalan dengan baik, mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perjalanan mesin berkenaan dan memaklumkan dengan segera sebarang kerosakan kepada Juruteknik Pemeliharaan. Memastikan bekalan kertas dan riben yang mencukupi supaya penerimaan bahan-bahan berita penting tidak akan terputus.
b) Menjalankan tugas-tugas mengendalikan mesin teleks Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa untuk menghantar bahan-bahan berita atau membuat perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan berita di luar negeri.
c) Menjalankan tugas-tugas diarahkan oleh Ketua Penyunting Berita dan Hal Ehwal Semasa atau Penolong-penolongnya dari masa ke semasa.

3. JURUTEKNIK RENDAH :

( Bilangan Kod :

094 03 — 338 ).

( Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan ).

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei (lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab atau Ilmu Alam) atau yang sebanding dengannya.
ATAU
b) i) Berpengalaman dan kebolehan praktikal yang terbukti di dalam salah satu bidang kerja-kerja Ukur Tanah.
ii) Tahu menulis dan membaca.

4. ATENDAN PERPUSTAKAAN :

( Bilangan Kod :

056 19 — 122 ).

( Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ).

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu).
c) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Memproses buku : melekat poket, label tarikh pemulangan, cap milik, lettering nombor kelas dan membaiki buku.
b) Bertugas di kaunter : menerima ahli, meminjamkan buku, membatalkan peminjaman, membuat dan mengeluarkan peringatan.
c) Menyemak dan menyediakan buku-buku rosak untuk dijilid.
d) Aktiviti perpustakaan termasuk pameran.
e) Bertugas di Perpustakaan Bergerak dan perpustakaan-perpustakaan cawangan
f) Membersihkan rak buku.
g) Menyusun dan 'shelf-reading' buku.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Daruasslam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan Tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Februari, 1988.

( Bilangan Pendaftaran :

160/1987 ).

( E/259/79 ).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130 sehingga 12.00 tengah hari hari Isnin 8 Februari, 1988 bagi perkara berikut :

**BIL. TAWARAN 1/1988**

1. Tyre 8.25 x 16 — 14 Ply 'Y45' or Equivalent — 300 Nos.
2. Tyre 7.00 x 16 — 8 Ply 'Y45'

**BIL. TAWARAN 2/1988**

Cistern, Lavatory, Plastic High Level, Complete With Fittings and Down Pipe — 700 Nos.

**BIL. TAWARAN 3/1988**

FERRULES BRASS, SWIVEL BALANCING TYPE, INLET MALE BSPT OUTLET FEMALE BSPT

1. Size : ½" — 2,000 Nos.
2. Size : ¾" — 4,000 Nos.

**BIL. TAWARAN 4/1988**

Cangkul, Type 'U', 3 lbs. Brand : Crocodile — 1,500 Nos.

**BIL. TAWARAN 5/1988**

MILD STEEL PLATE, HOT ROLLED COMMERCIAL QUALITY, EQUIVALENT TO JIS G 3101 SS 41

1. Size : ⅜" ( 9mm) x 8' x 4' — 60 Sht.
2. Size : ⅝" (16mm) x 8' x 4' — 20 Sht.
3. Size : ¾" (19mm) x 8' x 4' — 20 Sht.
4. Size : 1" (25mm) x 8' x 4' — 10 Sht.

**BIL. TAWARAN 6/1988**

CHEQUERED PLATES, MILD STEEL, COMMERCIAL QUALITY,

1. Size : 3/16" (4.5mm) x 8' x 4' — 50 Sht.
2. Size : ½" ( 12mm) x 8 x 4' — 20 Sht.
3. Size : 5/16" ( 8mm) x 8 x 4' — 20 Sht.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu-waktu bekerja.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Syarat-syarat Tawaran**

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison 3782, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 2 Februari, 1988.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Bahagian Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison Bangunan 150 semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Bahagian Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison Bangunan 150. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran sepertimana yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bonafide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DDWS/1/1988
PROJECT NO :
DDWS/DPS/1/1988
CONSTRUCTION OF EOD GARAGE AT PENANJONG GARRISON
CAGARAN : $100.00.

BIL : MINDEF/DDWS/2/1988
PROJECT NO :
DDWS/DPS/2/1988
GARAGE FOR EOD VEHICLE BERAKAS GARRISON
CAGARAN : $200.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/GRU/01/1988
MEMBEKAL :
SUPPLY OF SCHOOL TEXT BOOK
CAGARAN : $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. : 28/1987**

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN SEKOLAH AGAMA PERPINDAHAN MATA-MATA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan 1180, pada hari Rabu 27 Januari, 1988 jam 3.00 petang mengenai perkara di atas.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dikirimkan dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis dengan perkataan di luar sampul surat "TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN SEKOLAH AGAMA PERPINDAHAN MATA-MATA" tanpa membubuh identiti pemborong.

3. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan 1180.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

5. Penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Nazir Sekolah-sekolah Agama Daerah Brunei dan Muara atau Guru Besar Sekolah Agama yang berkenaan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Syarat-syarat Tawaran**

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkiah Garison, 3782, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 2 Februari, 1988.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Bahagian Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison Bangunan 150 samasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Bahagian Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison Bangunan 150. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tawaran sebanyak $100.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bonafide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/01/1988
MEMBEKAL :
SNAP-ON-TOOL

BIL : MINDEF/DFP/MTB/02/1988
MEMBEKAL :
REPAIR OF BEDFORD 715T (BEDFORD MJR 2) (4 TON)

BIL : MINDEF/DFP/MTB/03/1988
MEMBEKAL :
CONSOLE DRUMS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/04/1988
MEMBEKAL :
GENERAL HARDWARE STORE

BIL : MINDEF/DFP/MTB/05/1988
MEMBEKAL :
NAVIGATION CHART

BIL : MINDEF/DFP/MTB/06/1988
MEMBEKAL :
DESK STUDENT

BIL : MINDEF/DFP/MTB/07/1988
MEMBEKAL :
ARTEC QUARTZ TIMER 68-8 PCB (PART OF CONTROLLER T 82)

BIL : MINDEF/DFP/MTB/08/1988
MEMBEKAL :
BADGE BLAZER EMBD & BADGE ARM SSGT CROWN EMBD

BIL : MINDEF/DFP/MTB/09/1988
MEMBEKAL :
TRUCK 16 TONNE 6 × 6 MEDIUM

BIL : MINDEF/DFP/MTB/10/1988
MEMBEKAL :
WEE MEGGER TESTER

BIL : MINDEF/DFP/MTB/11/1988
MEMBEKAL :
TOOLKIT BEDFORD EME 055

BIL : MINDEF/DFP/MTB/12/1988
MEMBEKAL :
BOOTS GEORGE WITH SPURS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/13/1988
MEMBEKAL :
SHOES & CLOTHS BRUSH

BIL : MINDEF/DFP/MTB/14/1988
MEMBEKAL :
CHAIR LOUNGING

BIL : MINDEF/DFP/MTB/15/1988
MEMBEKAL :
AIR CONDITIONING FILTER SCREEN

BIL : MINDEF/DFP/MTB/16/1988
MEMBEKAL :
TROPHIES

BIL : MINDEF/DFP/MTB/17/1988
MEMBEKAL :
2 RING ELECTRIC COOKER

BIL : MINDEF/DFP/MTB/18/1988
MEMBEKAL :
BARBERS CHAIRS

BIL : MINDEF/DFP/MTB/19/1988
MEMBEKAL :
PERSPEX SHEET & RESIN ICI TENSOL NO. 7

BIL : MINDEF/DFP/MTB/20/1988
MEMBEKAL :
WEAPON & EQUIPMENT BOX

BIL : MINDEF/DFP/MTB/21/1988
MEMBEKAL :
SAMARITAN CVR (T) (ARMOURED AMBULANCE)

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI KADET :
(Bilangan Kod :
060 04 — 322).
(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan).

**Tanggagaji:** D. 2 — $650-$820 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur di antara 18 hingga 23 tahun.

b) 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya yang termasuk mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, Bahasa Inggeris dan salah satu mata pelajaran Sains Gunaan ('Applied Science').

c) Pandai berenang sekurang-kurangnya dalam jarak sejauh 80 meter.

d) Layak dari segi kesihatan untuk mengikut perkhidmatan-perkhidmatan di laut dan lulus ujian penglihatan.

e) Berminat dalam kerja-kerja perkapalan dan laut.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Pegawai Kadet tidaklah mempunyai tugas-tugas khas semasa dalam perkhidmatan, tetapi akan dihantar keluar negeri untuk mengikuti kursus/latihan untuk mendapatkan kelulusan sebagai 'Master Foreign Going Ship' atau 1st. Class Engineer (Steam and Motor'), di sebuah institusi politeknik yang diaturkan.

2. JURUTEKNIK UKUR :
(Bilangan Kod :
094 03 — 337).
(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan).

**Tanggagaji:** D.1-2 EB.3-4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun.

b) Mestilah mempunyai Sijil Ukuran Tanah dari Institut Latihan Teknikal yang diiktiraf.

ATAU

c) Lulus salah satu mata pelajaran berikut Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran :
i) Ilmu Hisab.
ii) Ilmu Alam.
iii) Satu mata pelajaran Sains.

d) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan-kelulusan seperti di (b) atau (c) di atas, tetapi mempunyai pengalaman dan kebolehan praktikal yang terbukti di bidang kerja-kerja Ukur Tanah boleh juga dipertimbangkan.

3. PENOLONG JURURAWAT PERCUBAAN/TERLATIH :
(Bilangan Kod :
062 07 — 147).
(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan).

**Tanggagaji:** M2. — $550-$930 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Bujang dan berumur 18 tahun ke atas.

b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ELAUN :

Pakaian seragam akan diberi percuma. Tempat tinggal disediakan semasa dalam latihan. Selain dari itu elaun makan sebanyak $72.00 sebulan dibayar semasa dalam tempoh percubaan.

TEMPOH PERCUBAAN :

Tempoh percubaan biasanya ialah selama 2 tahun 4 bulan.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup 11 Februari. 1988.
(Bilangan Pendaftaran :
155/1987).
(E/770/85).

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

No. RESEALING 4/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Aran Wan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Hii Thok Keong yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah ibu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 26 Januari, 1988, jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 24 Disember, 1987.

No. TEMB/7/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Apdonglah bin Japar @ Abdullah bin Japar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Japar bin Haji Kunal yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 19 Januari, 1988, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 23 Disember, 1987.

No. RESEALING 5/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh David Throp Clidero kerana minat Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Kenneth Lynn dengan sebab iaitu si pemohon ialah waris yang sah kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 26 Januari, 1988, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 28 Disember, 1987.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/497/1987**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN NURSERY RESEARCH CENTRE SUNGAI LIANG, SERIA, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan Pemborong : Kelas 'A', 'B' atau 'C' (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

## TAWARAN MEMBEKALKAN KERTAS-KERTAS PERCETAKAN/BOARD/KERTAS SALINAN/KERTAS TAIP/KERTAS BERGARIS/KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1988 06/GP/17/87

1. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin 1 Februari, 1988 bagi membekalkan perkara-perkara seperti di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988.

| ITEM | KETERANGAN-KETERANGAN | BAHAN | UKURAN | BANYAK |
|---|---|---|---|---|
| KERTAS-KERTAS BOARD | | | | |
| 1. | Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC. | 105 gsm./ 115 gsm. | 31x43 ins | 800 Rms. |
| 2. | Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC | 105 gsm./ 115 gsm. | 25x37 ins | 500 Rms. |
| 3. | Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC. | 128 gsm. 135 gsm. | 31x43 ins | 800 Rms. |
| 4. | Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC. | 128 gsm./ 135 gsm. | 25x37 ins | 800 Rms. |
| 5. | Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC. | 157 gsm. | 31x43 ins | 200 Rms. |
| 6. | Japanese/European Embossed Artpaper Plain/White | 128 gsm. | 31x43 ins | 800 Rms. |
| 7 | Japanese/European Matt Artpaper Plain/White. | 128 gsm. | 31x43 ins | 300 Rms. |
| 8. | Japanese/European Both Side Cast Coated Board/Plain/White. | 260 gsm. | 31x43 ins | 1000 Pkts. |
| 9. | Australian/Austrian/United Kingdom Bond Paper. Warna seperti berikut :— a) Pink — 500 Reams. b) Yellow — 500 Reams. c) Blue — 1000 Reams. d) Green — 500 Reams. | 60 gsm. | 685x865mm | 2500 Rms. |

ii. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

iii. Semua Tawaran **HENDAKLAH** disertakan dengan contoh kertas/Board, Cap atau Brand kertas dan juga Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam borang Tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

iv. Harga-harga Tawaran hendaklah dihantar terus ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, sementara contoh-contoh kertas bolehlah dihantar kepada Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam. Semua contoh-contoh hendaklah dihantar tidak lewat jam 4.30 petang, Hari Isnin 1 Februari, 1988.

v. Semua harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekalkan ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Harga-harga yang ditawarkan adalah harga-harga pembekalan yang sebenar tanpa mempunyai sebarang syarat seperti tempoh sah harga (Price Validity) atau sebagainya. Sebarang cukai jika ada, atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan Pembekal sendiri sepertimana mengikut Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan Tawaran tidak dapat ditentukan. Penukaran harga selepas Pemberitahuan tidak akan dilayan.

vi. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda Si Pengirim dan hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

dengan menanda di sampul itu :—

PEMBEKALAN KERTAS 1988
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(06/GP/17/87)

vii. Borang tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

viii. Cagaran (Deposit) Tawaran sebanyak $3,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Bayaran cagaran (Deposit) adalah dikecualikan kepada Penawar-penawar Tawaran yang sama iaitu Tawaran 01/GP/17/87. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah Wang Cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran. Salinan resit HENDAKLAH disertakan bersama di dalam tawaran yang dihadapkan. Cagaran akan dikembalikan kepada Penawar-Penawar yang tidak berjaya sebaik saja keputusan diterima. Kepada Pembekal-pembekal yang berjaya, wang cagaran cuma akan dikembalikan sebaik saja pembekalan penuh dibuat.

ix. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki mengikat Perjanjian (Kontrak) dan bersetuju membekalkan dengan Harga seperti yang ditawarkan serta dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :—

a) 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.

b) 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas penghantaran pertama.

Di samping itu juga, Syarikat yang berjaya akan bersetuju bagi membekalkan, jika ada pembelian tambahan, dengan harga seperti yang ditawarkan dalam tempoh masa tahun pembekalan.

x. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah berhak menolak tawaran atau mengenakan sebarang denda yang berpatutan bagi pembekalan yang lambat iaitu dikira dari tarikh penghantaran pertama seperti yang ditentukan atau membatalkan Perjanjian (Kontrak) dengan Pembekal pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan atau notis. Mana-mana Pembekal yang didapati tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau tidak menepati tarikh penghantaran, sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh mengenai kegagalan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

xi. Syarikat-syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian (Kontrak) dengan Pengarah Percetakan serta bersetuju mengikuti syarat-syarat dan peraturan-peraturan Kerajaan yang ada pada masa ini.

xii. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan adalah berhak mengurangkan atau menambah bilangan banyak yang diperlukan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEMBANTU MAKMAL : (Bilangan Kod: 084 05–437)

(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Satu (1) mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
b) Berpengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Makmal seperti Microbiology atau kimia atau Teknologi Konkrit atau tanah.

2) OPERATOR TELEPRINTER :

(Bilangan Kod : 009 32–152)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

b) Mempunyai sijil menaip adalah merupakan satu kelebihan.

?c) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Bertanggungjawab untuk mempastikan mesin teleks di Bahagian Berita dan Hal Berita dan Hal-Ehwal Semasa berjalan dengan baik, mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perjalanan mesin berkenaan dan memaklumkan dengan segera sebarang kerosakan kepada Juruteknik Pemeliharaan. Mempastikan bekalan kertas dan ribon yang mencukupi supaya penerimaan bahan-bahan berita penting tidak akan terputus.
b) Menjalankan tugas-tugas mengendalikan mesin teleks Bahagian Berita dan Hal-Ehwal Semasa untuk menghantar bahan-bahan berita atau membuat perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan berita di luar negeri.
c) Menjalankan tugas-tugas diarahkan oleh Ketua Penyunting Berita dan Hal-Ehwal Semasa atau Penolong-penolongnya dari masa ke semasa.

3) JURUTEKNIK RENDAH :

(Bilangan Kod : 094 03–338)

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei (lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab atau Ilmu Alam) atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Berpengalaman dan kebolehan praktikal yang terbukti di dalam salah satu bidang kerja-kerja ukur tanah.
ii) Tahu menulis dan membaca.

4) ATENDAN PERPUSTAKAAN :

(Bilangan Kod : 056 19–122)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu).
c) Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Memproses buku: melekat poket, label tarikh pemulangan, cap milik, lettering nombor kelas dan membaiki buku.
b) Bertugas di kaunter: menerima ahli, meminjamkan buku, membatalkan peminjaman membuat dan mengeluarkan peringatan.
c) Menyemak dan menyediakan buku-buku rosak untuk dijilid.
d) Aktiviti perpustakaan termasuk pameran.
e) Bertugas di Perpustakaan Bergerak dan perpustakaan-perpustakaan cawangan.
f) Membersihkan rak buku.
g) Menyusun dan shelf-reading buku.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawaan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Februari, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 160/1987.

( E/259/79 )

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal WORKSHOP TEST EQUIPMENT.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

TAWARAN BAGI MEMBEKAL
WORKSHOP TEST EQUIPMENT
BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

Bilangan Tawaran : JPA/AT/88/3

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat
Jalan Elizabeth II
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 10 Februari, 1988.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operesen, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran $100.00.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

**1.** **TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.**

**(a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.**

**Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)**

**(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pembangunan,
Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan.**

**Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)**

**2.** **Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.**

**3.** **Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.**

**4.** **Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.**

**5.** **Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).**

**6.** **Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.**

**7.** **Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.**

**8.** **Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.**

### BIL. JKR: 1 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD515/1201

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI KLINIK KESIHATAN KANAK-KANAK DAN IBU-IBU MENGANDUNG, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Januari, 1988

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. JKR: 2 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD515/1201

KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI KLINIK KESIHATAN KANAK-KANAK DAN IBU-IBU MENGANDUNG, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Januari, 1988

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. JKR: 3 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 86AD/18900

KERJA-KERJA PILING BAGI KOMPLEKS SUKAN MENGLAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Januari, 1988

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL. JKR: 4 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Subkontraktor-subkontraktor Kelas A dan B untuk :

PROJEK No. : AD511/0102

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK GADONG BAGI IBUSAWAT TELEFON, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 23 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 27 Januari, 1988.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. JKR: 5 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AR/24600

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 7000 M3 BATU-BATU PECAH BAGI PEMBINAAN PENGHUBUNG JALAN MASUK LANDASAN LAPANGAN TERBANG LAMA YANG SEDIA BAGI CADANGAN BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 23 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 27 Januari, 1988.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL. JKR: 6 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal sahaja untuk :

PROJEK No. : 86DW/01600

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SEBUAH JAMBATAN BAILEY PADAT KE JABATAN KERJA RAYA, DEPOT SINARUBAI, KAMPONG SINARUBAI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama Berakas. Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 23 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 27 Januari, 1988.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL. JKR: 7 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD511/0601

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI KOMPLEKS SUKAN KEBANGSAAN (KOMPLEKS TREK LATIHAN) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 23 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 27 Januari, 1988.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEGAWAI KADET

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan PEGAWAI KADET di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN :

a) Berumur di antara 18 hingga 23 tahun.
b) Lulus 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, Inggeris dan salah satu mata pelajaran Sains Gunaan (Applied Science).
c) Pandai berenang sekurang-kurangnya dalam jarak sejauh 80 meter.
d) Layak dari segi kesihatan untuk mengikuti perkhidmatan-perkhidmatan di laut dan lulus ujian penglihatan.
e) Berminat dalam kerja-kerja perkapalan dan laut.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

Pegawai Kadet tidaklah mempunyai tugas-tugas khas semasa dalam perkhidmatan, tetapi akan menjalani latihan-latihan/kursus-kursus sama ada di dalam atau di luar negeri untuk mendapatkan Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Laut Kelas Satu atau Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Jurutera Laut Kelas Satu atau kelulusan-kelulusan yang sebanding di sebuah institusi atau politeknik yang diaturkan. Semua latihan-latihan/kursus-kursus yang diikuti di luar negeri adalah di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh.

TANGGAGAJI :

Calon-calon yang berjaya akan menerima gaji dalam sukatan D 2. $650 — $820 sebulan. Pegawai-Pegawai Kadet yang berjaya dan memperolehi Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Laut Kelas Satu atau Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Jurutera Laut Kelas Satu akan dinaikkan pangkat untuk memenuhi jawatan-jawatan Pegawai Laut atau Pegawai Jurutera Laut dalam sukatan gaji B 2 EB 3. $2270 — $4240.

TEMPAT TEMUDUGA :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki hadir untuk ditemuduga pada tempat-tempat berikut dengan membawa bersama-sama mereka sijil beranak, sijil kerakyatan, sijil-sijil pelajaran, kad pengenalan dan dua keping gambar ukuran pasport :—

IBU PEJABAT, JABATAN LAUT, BANDAR SERI BEGAWAN :

pada 25 dan 26 Januari, 1988.
jam 8.30 pagi — 12.00 tengah hari dan jam 2.00 petang — 4 petang.

PEJABAT LAUT, KUALA BELAIT :

pada 27 Januari, 1988
jam 8.30 pagi — 12.00 tengah hari dan jam 2.00 petang — 4.00 petang.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/1/1988**

Tajuk kerja : AIR CONDITIONING DAN VENTILATION INSTALLATION FOR PROPOSED PENEMPATAN SEMULA BAHAGIAN KURANTIN TUMBUH-TUMBUHAN JABATAN PERTANIAN, BERAKAS.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan Pemborong: Kelas 'A' atau 'B' Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL.: PPL/MTB/3/1988**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN SEKOLAH AGAMA DI KAMPONG BOKOK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 3 Februari, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" sahaja Electrical Wiring.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN MENCETAK MAJALAH MEKAR DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

TAWARAN dipelawa daripada pencetak-pencetak dari Kategori B yang berdaftar dengan jabatan ini untuk mencetak Majalah Mekar untuk jangka masa satu tahun atau 12 keluaran.

2. Dokumen dan penentuan-penentuan mencetak majalah ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sebelah kiri sampul surat tersebut hendaklah dibubuh perkataan : "TAWARAN BIL : (5)/ 1987 MENCETAK MAJALAH MEKAR."

4. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan atau dikirim kepada :—

Pengerusi Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan 1130,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 8 Februari, 1988.

5. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Syarat-syarat Tawaran**

1) DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Pejabat Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat-alamat yang berkenaan di bilangan 3 atau bilangan 4 (mana yang berkenaan) dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

3) Tawaran-tawaran yang mempunyai rujukan KK/MINI/ 1/88 hingga KK/MINI/15/88 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 3.00 petang hari Rabu 3 Februari, 1988 dan dialamatkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Kesihatan,
Lapangan Terbang Lama,
Jalan Berakas,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

4) Tawaran-tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/1/88 hingga KK/11/88 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Februari, 1988 dan dialamatkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

5) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6) Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.

7) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

### TAWARAN-TAWARAN KECIL

| Bil. Tawaran | Keterangan | Wang Cagaran |
|---|---|---|
| KK/Mini/ 1/88 | Alat-alat Perkakas Pakar Perubatan (Part I) | $100.00 |
| KK/Mini/ 2/88 | Alat-alat Perkakas Pakar Penyakit Kanak-kanak (Part I) | $100.00 |
| KK/Mini/ 3/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Pakar Bedah (Part I) | $100.00 |
| KK/Mini/ 4/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Pakar Perbidanan dan Sakit Puan | $100.00 |
| KK/Mini/ 5/88 | Alat-alat Perkakas Makmal dan Saintifik (Part I) | $100.00 |
| KK/Mini/ 6/88 | Alat-alat Perkakas Bahagian Pemulihan Anggota (Physiotherapy) | $100.00 |
| KK/Mini/ 7/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Kejuruteraan Rumah Sakit (Part I) | $100.00 |
| KK/Mini/ 8/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Pakar Bius | $100.00 |
| KK/Mini/ 9/88 | Alat-alat Perkakas Bahagian Pergigian | $100.00 |
| KK/Mini/10/88 | Alat-alat Perkakas Bahagian Kesihatan | $100.00 |
| KK/Mini/11/88 | Alat-alat Perkakas Bahagian Klinik Mata | $100.00 |
| KK/Mini/12/88 | Alat-alat Perkakas Umum Untuk Rumah Sakit | $100.00 |
| KK/Mini/13/88 | Alat-alat Perkakas Rampaian | $100.00 |
| KK/Mini/14/88 | Alat-alat Perkakas Unit Buah Pinggang | $100.00 |
| KK/Mini/15/88 | Alat-alat Perkakas Bahagian Elektronik | $100.00 |

### TAWARAN-TAWARAN BIASA

| Bil. Tawaran | Keterangan | Wang Cagaran |
|---|---|---|
| KK/ 1/88 | Alat-alat Perkakas Pakar Perubatan (Part 2) | $200.00 |
| KK/ 2/88 | Alat-alat Perkakas Pakar Penyakit Kanak-kanak (Part 2) | $200.00 |
| KK/ 3/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Pakar Bedah (Part 2) | $200.00 |
| KK/ 4/88 | Alat-alat Perkakas Makmal | $200.00 |
| KK/ 5/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Ahli Kimia Ubat | $200.00 |
| KK/ 6/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Pakar X-Ray | $200.00 |
| KK/ 7/88 | Alat-alat Perkakas Bagi Kejuruteraan Rumah Sakit | $200.00 |
| KK/ 8/88 | Perabot Rumah Sakit | $200.00 |
| KK/ 9/88 | Alat-alat Perkakas Bahagian Pergigian | $200.00 |
| KK/10/88 | Alat-alat Perkakas Klinik Mata | $200.00 |
| KK/11/88 | Kenderaan Di Air Dan Darat | $200.00 |

BRUNEI

## NOTIS TAWARAN B.S.P. BIL. SSU 1/88

| Bil. Lot | Jumlah | Jenis Barang |
|---|---|---|
| 1 | Satu Lot dianggarkan berjumlah 1,000 buah | Unused and Downgraded Carbon Steel Ball Valves, Gate Valves, Check Valves and Globe Valves of sizes ranging from ½" to 10" and working pressure of 300 psi to 10,000 psi. |
| 2 | Satu Lot dianggarkan berjumlah 680 buah | Unused and Downgraded Bends, Tees, Reducing Tees, Weldilets, Sweepolets, Elbowlets Welding Neck and Slip-on Flanges of various sizes. |
| 3 | Satu Lot yang dianggarkan 4,900 meter | Left-over Single-core, two-core and three-core PVC Insulated Cables of 19 x |
| 4 | Satu Lot | PVC Fencing, height 4 ft. (64 roll) and height 7 ft. (21 roll) |
| 5 | Satu Lot dianggarkan berjumlah 400 buah | Snatch Block and Pulley Block. |
| 6 | Satu Lot (12 buah) | Rotor Blade Aluminium Storage Boxes of length 859 cm x width 60 cm x height 13 cm. |
| 7 | Satu Unit | Used CM Sandblasting Machine. Model: CM-1000, Year of Manufacture: 1980. |

**Perhatian**

1. Benda-benda Bil. 1 hingga 7 boleh dilihat di Jabatan Perbekalan, Seria.
2. Urusan untuk melihat benda-benda ini atau untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi SSU/153 Telefon 03-73918 (pejabat).
3. Benda-benda akan dijual atas dasar "sebagaimana keadaannya, di mana ianya".
4. Tarikh tutup menerima tawaran ialah pukul 0900 pada 1 Februari, 1988 di Peti Tender Ibu Pejabat. Tawaran hendaklah dialamatkan di dalam sampul surat yang tertutup kepada :

   Setiausaha (FCS/1),
   Lembaga Tawaran,
   Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad,
   Seria,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tercatat : "Kenyataan Tawaran B.S.P. Bil. SSU 1/88"
5. Semua tawaran hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Brunei dan disertakan dengan wang cagaran sebanyak 10 peratus dari jumlah yang ditawarkan dalam bentuk Bank Draft yang dibayar kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd., Seria. Wang cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya. Bagaimanapun, wang cagaran akan hilang jika pemborong yang berjaya berhasrat menarik balik tawarannya dan tawaran yang tidak disertakan dengan wang cagaran 10 peratus tidak akan dipertimbangkan.
6. Penyerahan tawaran akan dikira sebagai penerimaan pemborong akan syarat-syarat biasa membuat tawaran yang dikenakan oleh syarikat yang mana butir-butirnya boleh didapati apabila dikehendaki daripada Pejabat SSU/15. NIA, Seria.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal COMMUNICATION CABLE.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

   TAWARAN BAGI MEMBEKAL
   COMMUNICATION CABLE
   BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

   Bilangan Tawaran : JPA/AT/88/4

   tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

   Pengerusi
   Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Perhubungan
   Tingkat 1, Bangunan Sekretariat
   Jalan Elizabeth II
   Bandar Seri Begawan
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 24 Februari, 1988.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operesen, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran $100.00.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
# KEMENTERIAN PERTAHANAN
# NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## *PENGAMBILAN LELAKI KE-75*
## *BERAKHIR PADA 23 MEI 1988*

**SATERIA GAGAH DISANJUNG BANGSA DAN NEGARA**

**NEGARA AKAN BERBANGGA MEMPUNYAI PEMUDA GAGAH YANG SATERIA**



## *BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI*

**Mendaftarlah kepada**
**Pejabat Pengambilan**
**Angkatan Bersenjata Diraja Brunei**
**Perkhemahan Bolkiah**
**Negara Brunei Darussalam**

Nama : ..............................................................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............

Tarikh Lahir : .............................................. Umur : ..........

Alamat Sekarang : ..................................................

..................................................

Kelulusan Sekolah : ..................................................

Nama Ayah / Penjaga : ..................................................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............

Tarikh Lahir : .......................... Tempat Lahir : ..................

Alamat Sekarang : ..................................................

..................................................

No. Telefon Rumah/Pejabat : ..................................................

Tandatangan : .............................................. Tarikh : ..........

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA**
**KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK DI TANGAN AWDA**

**SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI**

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat tidak kurang 47.55 kg, tinggi tidak kurang dari 1.55 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti : Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.



Kelolaan Ahat Haji Ismail

# BELIA & SUKAN

## Menang beberapa acara sukan peringkat a-bangsa

# AHLI SUKAN NEGARA BUKTI KEMAMPUAN

Oleh Dk. Saidah POA

SEJAK akhir-akhir ini ahli-ahli sukan negara kita telah berjaya mengharumkan Negara Brunei Darussalam dengan memenangi beberapa acara sukan yang disertai seperti di Kejohanan Sukan SEA yang baru lalu.

Pegawai Pentadbir Pejabat Daerah Belait, Awang Hanafiah bin Zakaria berucap demikian ketika merasmikan kursus teknik renang bahagian pertama di kolam renang Kompleks Sukan Mumong di daerah itu pada hari Jumaat, 8 Januari lepas.

Awang Hanafiah seterusnya berkata pencapaian yang sedemikian adalah sangat-sangat dibanggakan. Dengan kejayaan yang sedemikian membuktikan bahawa negara ini mampu mengeluarkan ahli-ahli sukan yang baik dan berpotensi. Ini adalah merupakan suatu petanda yang menggalakkan dan sukan renang juga diperkembangluaskan ke peringkat yang sama di musim sukan antarabangsa yang akan datang.

Terdahulu sebelum itu pengerusi kursus tersebut, Awang Ismail bin Apong menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Kursus selama dua hari itu dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan daerah itu di mana seramai dua puluh tujuh orang pegawai dan kakitangan kerajaan menghadirinya.

Kursus tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa Kolam Renang Anggerek Desa, Awang Lim Eng Chik di mana beliau seorang yang berpengalaman, berkelayakan serta mempunyai kelulusan sijil renang antarabangsa (F.I.N.A.).

Pada hari tersebut para peserta kursus mendengar berbagai-bagai taklimat seperti menganjurkan pertandingan renang, syarat-syarat am F.I.N.A., pertunjukan renang dan lain-lain lagi.

Pada hari yang berikutnya mereka juga diberi berbagai-bagai taklimat berlainan seperti undang-undang renang F.I.N.A., perbincangan dan mengulangkaji kaedah kursus. Di akhir kursus itu juga lebih kurang satu setengah jam mereka semua diberi peperiksaan am, hakim dan penjaga masa.

Antara lain tujuan kursus tersebut diadakan untuk meninggikan taraf pegawai-pegawai teknik renang di samping untuk melahirkan lebih ramai lagi mereka yang berkelayakan dan diakui untuk memenangi atau diberi tugas dalam satu-satu pertandingan baik di peringkat daerah, kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa yang akan diadakan di negara ini.

Beliau menyambung lagi untuk mencapai matlamat ini, jurulatih, hakim dan ahli-ahli sukan renang di negara ini perlu tahu selok-belok sukan ini sama ada dari segi teori ataupun praktikal.

Seterusnya beliau berkata, "Dengan adanya kursus-kursus asas seperti ini adalah diharapkan akan dapat menampung segala kekurangan dan menambah apa jua pengetahuan yang sedia ada dan dengan terdapatnya nanti pegawai-pegawai teknik renang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tinggi ianya akan dapat meningkatkan lagi kemajuan sukan ini di Negara Brunei Darussalam."

Awang Hanafiah berharap dengan adanya panduan dan pengetahuan daripada kursus tersebut para peserta kursus akan dapat menyusun semula cara renang yang lebih baik dan teratur.

Persediaan seperti ini tegas beliau adalah perlu untuk menseimbangkan taraf pegawai-pegawai kita dengan taraf pegawai-pegawai di peringkat antarabangsa.

Beliau percaya satu hari nanti Negara Brunei Darussalam akan mampu mengeluarkan pegawai-pegawai teknik renang yang bertaraf antarabangsa dan perkara ini tertakluk di atas kesanggupan anak-anak tempatan untuk rajin mengikuti kursus-kursus yang berkaitan yang mana sentiasa dianjurkan oleh pihak-pihak kerajaan.



AWANG Lim Eng Chik menyampaikan ceramah mengenai teknik renang kepada para peserta. — Gambar oleh Rabaee Sabli.



JUARA Piala Aziz... Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan piala rebutan kepada penyandang juara, Jabatan Kerja Raya. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# JKR berjaya pertahan kejuaraan

JABATAN Kerja Raya (JKR) berjaya mengekalkan kejuaraan mereka kali kedua berturut-turut Kejohanan Bolasepak Piala Aziz apabila mereka menundukkan Jabatan Ukur dengan jaringan tipis 1-0 dalam perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Ahad lepas.

Jaringan tunggal itu diperolehi melalui penyerang tengah, Zabidi Johari di minit ke-36 separuh masa pertama hasil hantaran lintang daripada Muzaini Haji Hidup yang mengumpan kepada Zabidi Johari yang sudah sedia menunggu depan pintu gol Jabatan Ukur, tidak menghadapi masalah menyudahkan jaringan itu.

Kekalahan tipis itu terus melenyapkan impian Jabatan Ukur untuk menjuarai piala itu setelah menyertai beberapa kali kejohanan itu sejak tahun 1981.

Dalam perlawanan akhir kali ini, Jabatan Ukur hanya terdaya memberikan tentangan selama 35 minit saja dalam separuh masa pertama, manakala dalam separuh masa kedua mereka hanya sekali-sekala saja menguji kekebalan penjaga gol JKR, Haji Alidi Haji Alidon.

Dalam separuh masa pertama itu Jabatan Ukur hampir-hampir membolosi pintu gol JKR di minit ke-11 dan 14 apabila bekas pemain kebangsaan negara, Shari Timbang gagal menyudahkan dua peluang itu hasil gerakan Ak. Momin Pg Ahmad dan Rosanan Samak.

Di minit ke-28 pula Ak Momin Pg Ahmad pula terlepas peluang menjaringkan gol setelah berjaya mengecewakan penjaga gol JKR selepas pergelutan dekat pintu gol JKR.

Kemudian Shari Timbang sekali lagi mendapat peluang di minit ke-35 apabila Zaini Tumih menewaskan pertahanan JKR, Sharbini Razali dan Manan Kanak dan terus mengumpan tinggi kepada Shari Timbang tetapi tandukannya lemah.

Dalam separuh masa kedua JKR terus menguasai permainan dengan melancarkan serangan-serangan menggila terutama di minit-minit ke-51, 63, dan 79 melalui penyerang-penyerang Zaini Tengah, Haji Metali Haji Abdul Rahman dan Ahad Kassim. Bagaimanapun kecemerlangan penjaga gol Jabatan Ukur, Aliuddin Abdullah yang bertindak cemerlang berjaya menggagalkan kesemua percubaan itu sehingga ke kedudukan kekal 1-0 hingga ke wisel penamat.



TERHALANG... Pertahanan Jabatan Ukur menghalang penyerang JKR yang terlindung daripada membuat percubaan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# PENJARA JUARA PIALA LIGA

JABATAN Penjara muncul sebagai Juara Piala Liga Kejohanan Bolasepak Piala Aziz setelah memungut 18 mata hasil daripada 6 perlawanan pusingan awal Kumpulan D.

Mereka memenangi kesemua perlawanan pusingan awal termasuk pusingan suku akhir dengan menewaskan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan 8-0. Bagaimanapun mereka kecundang dalam perlawanan separuh akhir di tangan Jabatan Ukur 2-0.

Penyandang juara piala ini tahun lalu, JKR hanya mampu memungut 16 mata kesemua perlawanan pusingan awal Kumpulan A iaitu menang lima kali dan seri sekali.

Piala liga ini mula diperkenalkan pada tahun 1986 dan disumbangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan.

## Pastikan berita itu menarik, berfaedah

Dari muka 1

Awang Haji Abu Bakar mengingatkan mereka agar di samping perlu mengamalkan kemahiran kewartawanan dan membuat atau menyunting berita secara objektif, mereka perlu berhati-hati dan lebih peka dalam memilih bahan berita dari luar negeri untuk disiarkan bagi tontonan orang ramai.

"Sesuatu bahan berita itu bukan sahaja dinilai dari segi ianya berita yang baru dan menarik tetapi diteliti sama ada ia berfaedah untuk diketahui orang ramai atau tidak dan dari segi implikasinya sama ada selaras atau tidak dengan dasar kerajaan atau boleh menimbulkan sesuatu implikasi kepada negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Negara Brunei Darussalam. Kita juga perlu menilai aspek-aspek yang berkaitan dengan agama dan kebudayaan serta tata-cara hidup dan nilai-nilai kemelayuan kita," tegas beliau.

Awang Haji Abu Bakar juga mengingatkan mereka lebih berhati-hati dan cermat dalam membuat berita, khususnya yang melibatkan penggambaran bagi bahan-bahan berita dalam negeri dan mematuhi garis pandu penggambaran yang telah ditentukan.

Mengenai bahan berita pula, mereka tidak semestinya semata-mata bergantung kepada bahan berita yang diterima lebih awal tetapi mustahak dipastikan kesahihan sesuatu perkara itu disiarkan.

"Kita tidak harus mengamalkan 'taking for granted' sesuatu bahan berita itu tetapi mesti memastikannya dengan membuat 'double check' dari sumber ianya diperolehi," tegasnya.

# Sidang Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN bermula



DATO Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Rahman, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan menyampaikan piala rebutan kepada Haji Awang bin Jaafar johan bahagian lelaki. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

OLEH JOHARI ACHEE

**BANDAR SERI BEGAWAN 13 Jan. — Kira-kira 250 orang jurutera dan pakar teknologi ASEAN sedang berhimpun di Bandar Seri Begawan untuk menghadiri Sidang ke-6 Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN yang bermula hari ini. Sidang tersebut adalah yang pertama diadakan di negara ini dan dianjurkan oleh Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek, Negara Brunei Darussalam, PUJA (B).**

Timbalan Pengerusi Sidang, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin dalam satu wawancara berkata sidang ini memilih TENAGA DAN ALAM SEKITAR sebagai temanya. Menurut beliau tema ini adalah berdasarkan kepentingan ASEAN yang mana sedang berusaha untuk mengurangkan tenaga dalam pembangunan. Beliau berkata ketika kita sedang memajukan teknologi-teknologi baru, kita hendaklah juga sedar dan peka dalam memelihara dan melindungi alam sekitar bagi kepentingan generasi-generasi yang akan datang. Dari itu Awang Zakaria berkata sidang ini akan membincangkan aspek-aspek pengeluaran dan penggunaan tenaga serta perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Beliau berharap para peserta akan dapat bertukar-tukar pandangan mengenai bidang ini.

Kira-kira 50 kertas kerja akan dibentangkan di sidang tiga hari ini. Kesemua kertas kerja berkisar mengenai tema sidang tersebut. Semasa sidang ini berjalan pihak penganjur, PUJA (B) mengadakan satu Pameran Teknikal di Pusat Dakwah Islamiah di mana sidang itu diadakan. Pameran ini berkisar mengenai peralatan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sidang.



AWANG Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin, Pengarah Kerja Raya.

Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN atau ringkasnya AFEO adalah merupakan ibu kepada pertubuhan-pertubuhan kejuruteraan kebangsaan di keenam negara anggota ASEAN. Persekutuan ini bergabung dengan Sekretariat ASEAN pada tahun 1982. Pada tahun yang sama AFEO mengadakan sidang pertamanya di Jakarta. Antara matlamat AFEO ialah untuk memupuk perumusan dan perlaksanaan dasar, rancangan dan projek bagi pembangunan rantau ASEAN.

PUJA (B) ditubuhkan dengan rasmi pada bulan Januari 1984. Tetapi sejarahnya adalah lebih awal dari tarikh tersebut iaitu pada bulan Jun 1982 apabila beberapa orang jurutera, arkitek dan juruukur bahan bermuzakarah dan mengambil ketetapan untuk menubuhkan sebuah pertubuhan.

# Semangat kerjasama dapat tingkat produktif kerja

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN 10 Jan. — Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan merangkap Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman berkata, semangat berpasukan yang baik dan produktif akan dapat dicapai dengan sempurna jika adanya suasana kerja yang dirangsang oleh unsur kerjasama dan persefahaman yang positif dan dinamik.

Berucap ketika merasmikan pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran Kementerian Kewangan di Bangunan RBA Plaza di sini Ahad lalu, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman menambah, sikap kerjasama yang sedia ada itu perlu dipupuk dan dilaratkan dalam pekerjaan seharian untuk menambahkan kekuatan dan kewibawaan sesuatu kumpulan organisasi atau institusi.

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman yakin adanya ciri-ciri murni dalam sikap kerjasama itu dapat dipertahankan dan dijadikan sebagai unsur penggerak dalam jiwa, maka tenaga produktif akan dapat ditumpukan sebahagian besarnya ke arah perkara yang penting, strategik dan berkebajikan.

Pertandingan kali kedua tahun ini adalah anjuran bersama Kementerian Kewangan dengan kerjasama jawatan-jawatan di bawah kementerian itu dengan bertemakan "Beramal Dengan Al-Quran Asas Kesempurnaan Hidup".

Menurut pengerusi pertandingan, Awang Haji Abdul Rahim, tema tersebut sengaja dipilih kerana ianya berhubungkait rapat dengan satu prinsip yang tidak asing kepada kita iaitu Islam adalah cara hidup di mana ia telah menempatkan lunas-lunas yang tertentu di dalam kehidupan kita seharian.

Ke arah itu sudah sewajarnya kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala yang telah menurunkan kepada kita Kitab Suci Al-Quran sebagai panduan kita melalui liku-liku kehidupan kita dengan sempurna dan teratur.

Sebanyak 10 orang peserta dari jabatan-jabatan di bawah kementerian itu menyertai pertandingan. Haji Awang bin Awang Jaafar dari Kementerian Kewangan telah menjadi johan dalam bahagian lelaki sementara dalam bahagian wanita telah disandang oleh Dayang Mahani binti Haji Jalil dari Unit Perancang Ekonomi. Kedua-dua peserta itu akan dipilih bagi mewakili kementerian tersebut ke pertandingan antara kementerian-kementerian yang akan diadakan kemudian.

# Pengaruh media dalam bentuk fikiran rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN 11 Jan. — Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang Haji Alidin bin Haji Othman menyatakan bahawa peranan berita amat penting dalam penyebaran maklumat yang betul dan tepat kepada orang ramai kerana pengaruhnya dapat membentuk dan mencorakkan fikiran rakyat.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap di majlis perasmian Kursus Penerbitan Berita yang telah dilangsungkan di Studio A, Radio Televisyen Brunei di sini.

Untuk tujuan itu beliau menyeru para peserta mengambil peluang sebaik-baiknya ketika mengikuti kursus berkenaan. Ini katanya sesuai dengan tanggungjawab bagi menjiwai persembahan berita setiap hari.

Menurutnya, mereka juga perlu melengkapkan diri masing-masing dalam usaha mempertingkatkan mutu kerja dengan bersikap positif dan kreatif serta bersedia menimba pengetahuan terutama dari segi perkembangan teknologi penyiaran dan hal-ehwal semasa yang mutakhir.

Mengenai tujuan kursus tersebut, Awang Haji Alidin berkata ianya adalah semata-mata bagi meningkatkan kelakunan para petugas yang terlibat dalam penyediaan asas penerbitan berita khususnya televisyen.

Seramai 17 orang kakitangan Bahagian Berita dan Hal-Ehwal Semasa dan Bahagian Perkhidmatan Perfileman, Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang terdiri dari penyunting berita, pemberita, jurugambar dan jururakam suara mengikuti kursus tersebut.

Di sepanjang kursus itu para peserta akan didedahkan dengan kerja-kerja amali di samping mendengar beberapa ceramah.

Kursus yang berjalan selama 12 hari itu dianjurkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Unit Latihan Perjawatan dan dikendalikan oleh Awang H.R. Lewenhawk dari United Kingdom.

**Persekitaran yang bersih wujudkan masyarakat sihat**

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.